



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA



BAJET 2018



Kementerian Kewangan Malaysia

BAJET 2018

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks: 03-88823881
E-mel: bfe@treasury.gov.my

Ucapan Bajet diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Bajet Tahunan.

Edisi 2018 diterbitkan pada 27 Oktober 2017.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam penerbitan

Malaysia, Kementerian Kewangan
UCAPAN BAJET 2018 / [Kementerian Kewangan Malaysia]

ISBN 978-983-43512-7-4

1. Budget – Malaysia.
2. Government spending policy – Malaysia.
3. Speeches, addresses, etc.
- I. Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Dato' Sri, 1953
- II. Judul
- III. Judul : Budget 2018

339.52209595

Rekabentuk dan dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-92366888/92366894
Faks: 03-92011008/92224773
E-mel: cservice@printnasional.com.my

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.treasury.gov.my

Kulit luar direkabentuk oleh
Bahagian Fiskal dan Ekonomi



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.primnasional.com.my
email: cservice@primnasional.com.my
Tel.: 03-92366894 Faks: 03-92224773

Kandungan

	Muka Surat
PENDAHULUAN	3
PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI	5
PERUNTUKAN BAJET 2018	10
PETUNJANG PERTAMA : MERANCAK PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	13
- Mengukuh Perusahaan Kecil dan Sederhana	14
- Pembiayaan Mikro	15
- Meningkatkan Eksport	16
- Mempergiat Sektor Pertanian	17
- Mempergiat Industri Pelancongan	18
- Memacu Sektor Logistik	20
- Memperkukuh Pasaran Kewangan	23
PETUNJANG KEDUA : MENUJU ASPIRASI TN50	25
- Kemudahan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Kebajikan OKU	25
- Memupuk Budaya Menyimpan Wang untuk Generasi TN50	26
- Pendidikan untuk Generasi TN50	26
- Memartabat Pendidikan Tinggi	27
- Kerjaya dan Bakat TN50	28
- Pembangunan Sukan	29

PETUNJANG KETIGA : MENGUNGGULI PEMBANGUNAN PENDIDIKAN, LATIHAN, KEMAHIRAN DAN BAKAT	30
- Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah	30
- Bantuan Persekolahan	31
- Pembiayaan Pengajian Tinggi	32
- Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia	33
- Memartabat Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional	33
 PETUNJANG KEEMPAT : MEMACU PEMBANGUNAN INKLUSIF	 34
- Membina Infrastruktur Rakyat yang Berkualiti	34
- <i>National Blue Ocean Shift</i> (NBOS)	36
- Kebajikan Peneroka FELDA	36
- Keselamatan dan Ketenteraman Awam	37
- Dasar Transformasi Kesejahteraan Bumiputera	38
- Kesejahteraan Masyarakat Cina dan India	40
- Orang Asli	42
- Wanita dan Kesejahteraan Keluarga	42
 PETUNJANG KELIMA : MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN PELUANG MENJANA PENDAPATAN	 43
- Menjana Pendapatan Rakyat	43
- Meningkatkan Pendapatan Boleh Guna (<i>Disposable Income</i>)	44
- Skim Persaraan 1Malaysia	46
- Pembantu Rumah Asing	47
- Perumahan	47
- Kesihatan	49
- Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	50

PETUNJANG KEENAM : MEMPERSIAGA REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT DAN EKONOMI DIGITAL	52
- Revolusi Perindustrian 4.0	52
- Pembangunan Lestari	53
- <i>Digital Free Trade Zone (DFTZ)</i>	54
- <i>Regulatory Sandbox</i>	54
 PETUNJANG KETUJUH : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PENYAMPAIAN GLC DAN PERKHIDMATAN AWAM	55
- Warga GLC	55
- Mengutamakan Warga Emas, OKU dan Kanak-kanak	56
- Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	56
 PETUNJANG KELAPAN : MENGIMBANGI PAR EXCELLENCE DUNIAWI DAN PAR EXCELLENCE UKHRAWI	57
- Institut Penyelidikan Sosioekonomi (SERI)	58
- Penjawat Awam	59
- Komuniti dan Kejiranan	61
- Memartabatkan Syiar Islam dan Pengukuhan Jati Insan	61
 PENUTUP	62
 LAMPIRAN	67

“Inilah... belanjawan yang tidak pernah diperucapkan sedemikiannya, semenjak saya ambil alih tampuk kepimpinan Negara, ini kerana ianya bersifat holistik dan sarat dengan falsafah dan secara peribadinya boleh ditanda sejarah menjadi *Ibu Segala Bajet.*”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia




YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia


EKONOMI NEGARA 2018

PADA HARGA MALAS 2010

PENAWARAN



PERMINTAAN




¹ Termasuk perubahan stok.


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2018

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



¹ Terdiri daripada hasil, pinjaman dan penggunaan aset Kerajaan.

² Tidak termasuk simpanan luar jangka.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

UCAPAN BAJET TAHUN 2018

OLEH

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN**

**KETIKA MEMBENTANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018)**

**DI DEWAN RAKYAT
PADA JUMAAT, 27 OKTOBER 2017
BERSAMAAN 7 HARIBULAN SAFAR 1439 HIJRIAH**

**“MEMAKMUR EKONOMI YANG INKLUSIF,
MENGIMBANG KEUNGGULAN DUNIAWI DAN UKHRAWI,
DEMI MENSEJAHTERA KEHIDUPAN RAKYAT,
MENUJU ASPIRASI TN50”**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu” dibaca bagi kali kedua.

PENDAHULUAN

1. Sesungguhnya Kami Bernaik Saksi Bahawa, Tiada Tuhan yang Selayaknya Disembah Melainkan Allah yakni Dia, serta para MalaikatNya, yang berSelawat ke atas Nabi Junjungan. Seraya diseru ke atas orang-orang yang beriman mengucapkan; *Allahumma Solli Ala Saidina Muhammad, Wa a'la A-li Saidina Muhammad.*

2. Begitu juga kepada Tuan Yang Dipertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta seluruh Rakyat Malaysia Sekalian, dari penjurut Utara Perlis, hingga ke Penghujung Benua Asia di Tanjung Piai, membawa nun jauh di Sabah, Negeri di Bawah Bayu dan di Sarawak, Bumi Kenyalang, diucapkan Salam Sejahtera, Salam Negaraku, dan Salam 1Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

3. Pasti pada tahun lalu, kita maklum tentang ramai yang telah meneka-neka bahawa, Bajet 2017 itu adalah Bajet Pilihanraya.

4. Memanglah, tidak dinafikan, kerana sekian banyak inisiatif dan sekian banyak peruntukan, telah diumumkan demi keperluan rakyat serta kepentingan negara. Namun nampaknya, ramalan itu setakat tahun lepas, menjadi hampa dan tidak benar belaka.

5. Lalunya, Tuan Yang Dipertua, kalau minggu lalu, kawan-kawan daripada masyarakat India baru saja menyambut perayaan cahaya Deepavali, kita ucapkan sekali lagi bersama-sama *Deepavali Valthukal*, Maka, pada Jumaat penghulu segala hari ini, seperti para cerdik pandai juga menyatakan boleh disambut sebagai Hari Lebaran yang riang dan ceria.

6. Jadinya, saya mengajak seluruh rakyat Malaysia bersama-sama untuk merayakan imbuhan-imbuhan, buah-buah tangan dan pemberian-pemberian yang akan dibentang-bentang dan dihidang-hidang sepanjang persembahan Bajet ini. Dengan satu syarat, Syaratnya apa? syaratnya saya nak khabor pada semua, bak kata orang Pekan, maaf cakap, kalau boleh, moleklah mendengar dari mula, sampailah ke penghujung ucapan.

7. Maksud saya, berdiri saya pada petang Jumaat yang mulia bertarikh 27 Oktober ini, bersamaan dengan 7 haribulan Safar 1439 Hijriah, adalah, tidak lain dan tidak bukan, untuk membawa khabar-khabar yang lebih riang dan gembira, yang bakal menguntum serta menyimpul senyum-senyum di wajah semua.

8. Yang ter-paling mustahak adalah untuk dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia tercinta, tidak kira apa jua kaum, apa jua bangsa, dan apa jua latar keturunan.

9. Tuan Yang Dipertua, ternyata, yang ditunggu-tunggu, buahnya pun baru saja masak dan baru saja meranum, hatta, kalau tidak dipetik pun pada petang yang berbahagia ini, ia akan tetap gugur, dan akan tetap luruh, satu persatu, sebagai sebahagian rezeki yang dilimpahi rendang dan merimbunnya Pepohon Malaysia.

10. Jadinya, marilah kita sama-sama menghayati dan meneliti dahulu, apa yang akan saya, bagi pihak Kerajaan ingin sajikan, jika tidak, bagi mereka yang terburu-buru, sebagai memetik kata ulamak dan cerdik pandai, sesungguhnya tergolonglah dalam kumpulan orang-orang yang merugi.

Tuan Yang Dipertua,

11. Sayang seribu kali sayang, dalam pada kita ingin membina peradaban santun susila di antara satu sama lain, sampai hati, dan, tergamak sungguh 'Orang Itu' memaki, mencerca etnik bangsa dari keturunan Bugis.

Tapi, tak mengapalah, apa yang penting, kita wajar terus berjiwa besar, bak kata seloka dalam loghat Utara:

Orang Kedah semua baik-baik dan ramah-ramah,
Cuma seorang dua saja, yang mudah lupa diri,
Kerajaan BN ini ikhlas, kerja untuk negara dan ummah,
Inilah dia Bajet yang kita semua nanti-nanti.

PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI

Tuan Yang Dipertua,

12. Pertama-tamanya, kita wajib merafakkan rasa syukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah S.W.T kerana ekonomi negara terus berkembang dengan positif.

13. Pada separuh tahun pertama 2017, ia mencatatkan satu pertumbuhan yang sungguh memberangsangkan pada kadar 5.7 peratus.

14. Makanya, janganlah mudah termakan dengan tipu daya serta dakyah yang tidak henti-henti terutamanya di media sosial, oleh pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab bahawa kononnya, Bank Dunia telah mengeluarkan laporan-laporan negatif tertentu terhadap ekonomi negara kita.

15. Hakikatnya, perkara itu adalah tidak benar sama sekali, kerana realitinya baru saja tiga minggu lepas, pihak Bank Dunia telah membuat semakan yang lazim, merangkumi Asia Timur dan Pasifik.

16. Hasil daripada semakan itu, sekali lagi, yang ter-paling mustahak, Badan Kewangan Antarabangsa Tertinggi dunia itu telah menzahirkan keyakinan terhadap prestasi ekonomi kita, dengan memberi puji-pujian kepada dasar-dasar negara, seraya menaikkan unjuran KDNK Malaysia, daripada 4.9 kepada 5.2 peratus bagi tahun 2017. Ada bersama kita hadirin sekalian, pada petang ini, beberapa wakil daripada Bank Negara Malaysia dan World Bank.

17. Selanjutnya, Kerajaan pula mengunjurkan ekonomi Malaysia bakal mencapai kadar pertumbuhan tahunan antara 5.2 hingga 5.7 peratus pada 2017, yakni lebih tinggi daripada unjuran pada bulan Mac lalu iaitu 4.3 hingga 4.8 peratus.

Tuan Yang Dipertua,

18. Sesungguhnya lagi, selama 60 tahun negara ini mencapai kemerdekaan, pada Bajet yang ke-59 dan kali ke-9 saya bentangkan bagi pihak Kerajaan ini, dengan penuh rasa syukur serta tawadhu, ingin dinyatakan bahawa, sepanjang tempoh lapan

tahun yang lalu, di sebalik pelbagai kerencaman dan cabaran ekonomi, Malaysia telah mampu membuktikan, dua aspek yang amat penting dan dapatlah disimpulkan sebagai:

Pertamanya: Kita telah mencapai prestasi hubungan dagang dan diplomasi pada tahap pa-ling baik dan pa-ling matang dalam lingkungan masa serentak dengan kuasa-kuasa besar ekonomi dunia seperti China, India, Arab Saudi dan Amerika Syarikat.

Sesungguhnya, tidak pernah seumpamanya seperti ini dalam sejarah, sehinggakan *the actual private investment* untuk 2016 sahaja, melebihi 211 bilion ringgit. Dibandingkan pada tahun 2009, jumlah pelaburan swasta sebenar hanyalah 81 bilion ringgit.

Oleh sebab itu, seandainya saya dan rakan-rakan anggota kabinet mengadakan lawatan rasmi ke luar negara, janganlah sewenang-wenangnya sesiapa pun menuduh bahawa, kita hendak menggadaikan kedaulatan Tanah Air.

Hah! Baru-baru ini, saya mendapat khabar berita, katanya, YAB Menteri Besar Selangor, merangkap Ahli Parlimen Gombak sendiri, telah pun berkunjung ke Tanah Besar China. Kita nak tanya, YB Gombak, *Nak jual Selangor ke?*

Demikianlah kata orang, Berhati-hatilah kalau mahu meludah ke langit, takut-takut nanti, ia jatuh *setepek*, terpalit ke muka sendiri.

Tuan Yang Dipertua,

Itu belum lagi dikira lawatan-lawatan ke luar negara yang dibuat oleh YB Bagan, juga YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. *Itupun kira macam mana, kita kira macam mana, nak jual negeri juga ke?*

Keduanya: Tuan Yang Dipertua, sejak tahun 2009, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran yang kebanyakannya di luar kawalan kita, seperti

harga minyak dunia yang jatuh merudum, faktor geopolitik antarabangsa yang bergolak dan masih tidak menentu, akan tetapi, Alhamdulillah, kita terus kekal mampu menguruskan kewangan negara, dengan mengamalkan tadbir urus yang cekap serta disiplin fiskal yang begitu berhemah.

Menoleh ke tahun 2009, defisit fiskal kita berada pada kadar 6.7 peratus daripada KDNK. Dengan perancangan dan perencanaan serta inisiatif yang teratur lagi sistematik, syukur kepada Allah S.W.T., defisit fiskal negara dianggar terus berkurang kepada 3 peratus pada 2017, dan kita yakin pada tahun 2018 akan menurun lagi kepada 2.8 peratus.

Impaknya sungguh jelas, baru-baru ini, tiga agensi penarafan kredit antarabangsa yang berwibawa, telah mengekalkan kredit Malaysia pada penarafan 'A-' dengan prospek yang stabil.

Bayangkan, bayangkanlah, seandainya Kerajaan ini, tidak mengambil langkah-langkah bijak lagi proaktif untuk menguruskan perbelanjaan negara, terutamanya ketika harga minyak dunia jatuh mendadak, paras defisit fiskal dan hutang akan meningkat sekaligus menjejaskan penarafan kredit negara, kemungkinan besar kita boleh terjerumus ke kancah kegawatan ekonomi.

Sekiranya itu berlaku, ia boleh mengakibatkan kenaikan kos pinjaman peribadi dan komersial, keyakinan pelabur pun terjejas, serta mengundang ketidakstabilan pasaran kewangan.

Tuan Yang Dipertua,

19. Makanya, *bagai disyair orang dulu-dulu, kalau buruk yang kita minta, maka buruklah jadinya; kerana itu, kalau elok kita usaha dan minta, maka moleklah hasilnya.*

20. Justeru, walau sekali apa pun cabaran, halangan dan pancaroba yang datang merintang, kita perlu terus mengekalkan momentum dan dinamika kepesatan ekonomi negara.

21. Kerana itulah, pegangan pentadbiran Kerajaan ini sejak mula-mula saya mengambil alih tampuk kepimpinan, telah diperkenalkan Program Transformasi Negara yang inklusif, di bawah lembayung Dasar Transformasi Nasional atau DTN, yang amat menitikberatkan tentang aspek kualiti, sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan, khususnya, dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi.

22. Di bawah DTN ini juga, terkandung antara lain, Model Ekonomi Baru, yang selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11.

Tuan yang Dipertua,

23. Maka, tidak salah lagi sejak 2009, ketika mana melihatkan keadaan sosioekonomi negara ketika itu, saya selaku Perdana Menteri telah membuat keputusan yang amat sukar, dengan meletakkan inisiatif ekonomi sebagai Fokus Utama kepada Kerajaan yang saya pimpini, sehinggakan agenda dan program Transformasi yang lain disusunatur menurut keutamaan dan dikemudiankan dahulu, termasuklah Program Transformasi Politik.

24. Justeru, mana mungkin orang mempertikai bahawa kita tidak mempunyai polisi ekonomi yang kukuh. Ternyata, kesemua usaha yang telah diambil oleh Kerajaan sepanjang lapan tahun yang lalu, telah membuahkan hasil-hasil, antaranya:

Pertama: Sasaran 3.3 juta peluang pekerjaan baharu menjelang 2020 setakat ini, sudahpun mencapai angka 69 peratus dengan 2.26 juta pekerjaan diwujudkan;

Kedua: Pada bulan Ogos ini sahaja, eksport negara buat pertama kalinya telah mencapai antara paras tertinggi, dengan nilai melebihi 80 bilion ringgit dan merekodkan *double digit growth*; dan

Ketiga: Rizab antarabangsa terkini pula, telah mencatat 101.4 bilion dolar Amerika atau 428.7 bilion ringgit yang mampu menampung 7.5 bulan import tertangguh. Sedangkan pada tahun 1997, ketika berlakunya kegawatan ekonomi Asia, rizab negara hanyalah 21.7

bilion dolar Amerika atau bersamaan 59.1 bilion ringgit, Nah, kalau rizab serendah 21.7 bilion dolar Amerika pun tidak bankrap, itu pun, kita belum tolak 31 bilion ringgit yang entah ke mana apatah lagi rizab sekarang setinggi 101.4 bilion dolar Amerika.

Tuan Yang Dipertua,

25. Bukan setakat itu sahaja, melalui Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Keperluan Asas 2016, menyaksikan, kita telah meraih sekian banyak pencapaian, antaranya:

- Pertama: Pendapatan per kapita rakyat daripada 27,819 ringgit pada tahun 2010, kini telah meningkat kepada 40,713 ringgit, dan dijangka mencapai 42,777 ringgit menjelang 2018;
- Kedua: Pendapatan median bulanan pula, telah meningkat daripada 4,585 ringgit, pada tahun 2014 kepada 5,288 ringgit pada tahun 2016;
- Ketiga: Bagi pendapatan isi rumah B40 pula, daripada tempoh 2014 hingga 2016, telah meningkat daripada 2,629 ringgit kepada 3,000 ringgit sebulan; dan
- Keempat: Agihan pendapatan dalam kalangan isi rumah Malaysia terus bertambah baik dengan penurunan Pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009, kepada 0.399 pada tahun 2016, *the lowest in the history of Malaysia*. Ini bermakna jurang pendapatan semakin dirapatkan, dan kita menuju masyarakat yang pengagihannya lebih saksama.

PERUNTUKAN BAJET 2018

Tuan Yang Dipertua,

26. Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat, maka Bajet 2018 akan memperuntukkan sejumlah 280.25 bilion ringgit, menyaksikan pertambahan peruntukan, berbanding 260.8 bilion ringgit peruntukan Bajet 2017 yang dibentangkan.

27. Daripada jumlah tersebut, 234.25 bilion ringgit adalah bagi perbelanjaan mengurus, dan 46 bilion ringgit lagi bagi perbelanjaan pembangunan. Ini tidak termasuk simpanan luar jangka 2 bilion ringgit.

28. Di bawah peruntukan mengurus, 79.15 bilion ringgit adalah untuk Emolumen dan 33.62 bilion ringgit untuk Perkhidmatan dan Bekalan.

29. Manakala, sebanyak 119.82 bilion ringgit lagi, adalah untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan lain pula, diperuntukkan 1.08 bilion ringgit, dan 577 juta ringgit untuk pembelian aset.

30. Di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak 26.34 bilion ringgit. Sektor sosial menerima sejumlah 11.72 bilion ringgit. Manakala, sektor keselamatan diperuntukkan 5.22 bilion ringgit, dan sektor pentadbiran am sebanyak 2.72 bilion ringgit.

31. Bagi tahun 2018, dengan izin Allah, kita menjangkakan, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan mencecah 239.86 bilion ringgit.

32. Apa yang penting, Kerajaan tetap komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dan memastikan kedudukan kewangan Kerajaan terus kukuh serta paras hutang kekal rendah bagi tempoh jangka sederhana dan panjang.

Tuan Yang Dipertua,

33. Pastinya semua dapat mengagak, bajet yang digubal ini adalah yang paling penting kerana, ia merupakan satu rumusan kepada prakarsa-prakarsa yang telah memacu ekonomi negara semenjak saya menjadi Perdana Menteri sebermula tahun 2009.

34. Ia sebetulnya juga, menjadi antara *report card* utama kepada rakyat dan Kerajaan pimpinan saya, sepanjang dua penggal tempoh pentadbiran Kerajaan ini.

35. Bahkan, ia disusun sebagai satu dokumen pelonjak kepada pembikinan sebuah negara Bangsa Malaysia untuk tempoh 30 tahun mendatang yang akan dicorakkan semula di atas kanvas yang lebih baharu berasaskan Kerangka Maqasid Syariah.

36. Dalam memperkatakan hal ini, sesungguhnya secara sedar atau tidak, sejak meraih kemerdekaan, kita begitu bertuah kerana bapa-bapa pendahulu telah menyulam manik-manik azimat Maqasid Syariah, yang mementingkan pemeliharaan lima aspek, yakni Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta di dalam setiap dasar dan setiap perancangan Kerajaan.

37. Kerangka Maqasid Syariah ini, dengan jelas difirmankan oleh Allah S.W.T dalam surah Al-Mumtahanah ayat ke-12 yang mafhumnya menyebut, tentang kepentingan menjaga kemaslahatan *Addho'ruriyat* yakni, keperluan asas yang paling utama, sesuatu yang tidak boleh tidak tanpanya, untuk kita, atau rakyat, meneruskan hidup.

38. Manakala menerusi pengertian Surah Al-Hajj dan Hadis antaranya riwayat Ahmad, *Haajiyat* pula, berkaitan perkara yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka supaya tidak berlaku kesempitan yang membawa kepada kesulitan dan kesukaran hidup.

Ketiganya, keperluan kepada *Tahsiniyat* hanyalah sekadar menjadi penghias, pencantik dan bersifat pengindah semata-mata, untuk kesempurnaan hidup.

39. Makanya, semenjak enam dekad lalu, segala usaha pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional secara lumrahnya diilhamkan oleh Tuhan Yang Maha Mengetahui kepada pimpinan-pimpinan negara, agar sentiasa 'terpandu' dengan kerangka Maqasid Syariah ini, dan dari masa hingga masa.

Diperkuatkan lagi oleh falsafah-falsafah seperti Perlembagaan Persekutuan, Ideologi Kebangsaan Rukun Negara, prinsip Wasatiyah atau *moderation*, Falsafah 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, dan terkini, aspirasi TN50 sebagai kesinambungan gagasan-gagasan pucuk kepimpinan Kerajaan, zaman-berzaman, yang sekaligus menolak fahaman ekstremisme, tidak berfikir terlalu liberal, apatah lagi mengamalkan sistem *ala-Taliban State*.

40. Jadinya, dari masa ke semasa, kepimpinan yang silih berganti ini, telah menyusun segala dasar dan strategi negara berlandaskan roh serta semangat kerangka dan pedoman Maqasid Syariah.

Tuan Yang Dipertua,

41. Memang benar, sekalipun kerangka Maqasid ini tidak tertulis atau termaktub secara rasmi dalam mana-mana dokumen Kerajaan, akan tetapi secara berhemah, amalan dan praktisnya terzahir menerusi sekian-sekian falsafah dan sekian-sekian dasar negara, yang bersambung-sambung dan bertali-temali.

42. Sebenarnya lagi, manhaj Maqasid Syariah yang dipegang oleh Kerajaan mensasarkan kepada kepentingan umum, yang mendatangi kebaikan kepada rakyat terbanyak, dengan mengambil kira tahap kemampuan Kerajaan mengikut tiga keutamaan, iaitu *Dho'ruriyat*, *Haajiyat* dan *Tahsiniyat*, seperti yang saya sebutkan tadi.

43. Jadinya, terbuktiilah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang sudah menempa satu tempoh panjang yang sarat menggendong-gendong bersamanya, begitu banyak selok belok pengalaman, mahupun pengetahuan sepanjang 60 tahun, telah menjadi asas kepada Evolusi Pembangunan serta pembikinan jatidiri sebuah negara bangsa yang boleh diperbanggakan.

44. Makanya, berbekalkan semua prinsip dan garis-garis besar haluan bernegara itu, pada petang yang berbahagia ini, dengan Kehendak dan Kurnia Allah Yang Maha Kaya, saya membingkiskan sebuah lagi Dokumen Besar demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara, yakni Bajet 2018.

Tuan Yang Dipertua,

45. Bajet 2018 digubal selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-11, dan ini merupakan Bajet yang ketiga di bawahnya. Lalu, untuk memastikan kemakmuran dan kekayaan negara dapat dinikmati secara saksama dan inklusif, melalui pertumbuhan ekonomi domestik yang kukuh serta berdaya saing, dengan izin Allah terhasillah Bajet ini dengan bertemakan **“MEMAKMUR EKONOMI YANG INKLUSIF, MENGIMBANG KEUNGGULAN DUNIAWI DAN UKHRAWI DEMI MENSEJAHTERA KEHIDUPAN RAKYAT, MENUJU ASPIRASI TN50”** berasaskan kepada Lapan Petunjang.

PETUNJANG PERTAMA: MERANCAK PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Tuan Yang Dipertua,

46. Jumlah pelaburan dalam negara dijangka meningkat 6.7 peratus atau menyumbang 25.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2018.

47. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus menekankan pelaburan berimpak tinggi, seperti petroleum, logistik, rel, automasi dan robotik serta industri berasaskan eksport.

48. Sumbangan pelaburan swasta terus mengatasi pelaburan awam dengan nisbah 70:30. Pelaburan swasta dijangka mencecah 260 bilion ringgit pada 2018, berbanding hanya 81 bilion ringgit pada 2009.

49. Manakala pelaburan sektor awam dijangka mencecah 109 bilion ringgit berbanding hanya 75 bilion ringgit pada 2009. Ini sejajar matlamat ETP untuk menjadikan sektor swasta sebagai *engine of growth*.

50. Ini termasuk, satu bilion ringgit kepada Lima Koridor Utama. Kerajaan akan membangunkan Wilayah Selatan Perak, merangkumi pembangunan Proton City, Educity dan Youth City, Tanjung Malim serta Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam, pembinaan pelabuhan dan kawasan perindustrian Tok Bali, Kelantan serta jalan akses ke Empangan Baleh, Sarawak.

51. Serentak itu, bagi terus meletakkan Malaysia sebagai lokasi pelaburan langsung asing, galakan cukai bagi *Principal Hub* akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Bagi MIDA pula, kita akan memperuntukkan 200 juta ringgit untuk dana strategik berimpak tinggi.

52. Malaysia komited untuk perkongsian maklumat ekonomi yang diperkenalkan oleh OECD. Ini termasuklah menerusi pelaksanaan Pelan Tindakan *Base Erosion and Profit Shifting* serta Pertukaran Maklumat Secara Automatik mulai September 2018.

Mengukuh Perusahaan Kecil dan Sederhana

Tuan Yang Dipertua,

53. Pembangunan Malaysia akan dilaksanakan melalui penglibatan inklusif PKS. Buat masa ini, di Malaysia, kita ada antaranya, perusahaan Jeruk Pak Ali, Sydney Cake House, Telekung Siti Khadijah dan Satay Haji Samuri, yang telah bertapak kukuh dengan jenama sendiri, malah ada yang telah menembus pasaran antarabangsa.

54. Wakil-wakil PKS yang kita banggakan, turut memeriahkan Pembentangan Bajet ini. Ucapkan selamat datang kepada mereka ke Dewan Parlimen, serta marilah kita beri tepukan tahniah kepada kejayaan mereka.

55. Sehubungan itu, Tuan Yang Dipertua, Bajet ini mensasarkan supaya syarikat-syarikat PKS akan menyumbang 41 peratus kepada KDNK menjelang tahun 2020, melalui langkah berikut:

Pertama: Tujuh bilion ringgit di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan atau SJPP, iaitu lima bilion ringgit untuk modal kerja dan dua bilion ringgit, pinjaman dengan

70 peratus jaminan Kerajaan untuk sektor perkhidmatan termasuk *Industrial Revolution 4.0*;

- Kedua: Dalam komitmen Kerajaan untuk mengautomasikan proses pengeluaran dan mengurangkan penggajian pekerja asing, satu jumlah besar diberi buat julung kalinya, sebanyak satu bilion ringgit, dengan pinjaman 70 peratus jaminan Kerajaan di bawah SJPP;
- Ketiga: Saiz Dana Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah ditambah satu bilion ringgit, menjadikan saiz dana 2.5 bilion ringgit. Kemudahan ini diberi subsidi dua peratus ke atas kadar keuntungannya;
- Keempat: Sejumlah 200 juta ringgit bagi program latihan, geran dan pinjaman mudah PKS di bawah SME Corp; dan
- Kelima: Hampir 82 juta ringgit bagi pembangunan industri dan produk halal di pelbagai agensi.

Pembiayaan Mikro

56. Bukan itu sahaja, Kerajaan tidak melupakan usahawan-usahawan mikro, seperti peniaga *coconut shake* di Klebang, Melaka yang popular itu.

57. Seiring ini juga, sukacita saya memperuntukkan Bajet paling tinggi pernah diberi kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN), iaitu setengah bilion ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

58. Selanjutnya, bagi menghargai sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM yang majoritinya wanita serta merupakan pembayar balik hutang paling berdisiplin, bagi mereka terus berusaha gigih, mengubah nasib dan memajukan diri serta keluarga masing-masing.

Maka, bagi Bajet ini, apalah salahnya kita tambah-tambahkan lagi dana AIM, sebanyak 200 juta ringgit.

Ini menjadikan jumlah pembiayaan keseluruhan AIM mencecah 2.7 bilion ringgit, memanfaatkan hampir 400 ribu peminjam.

Lagipun, telah tercipta pelbagai kisah kejayaan di kalangan peminjam.

Tuan Yang Dipertua,

59. Menyentuh hal ini, kita sesungguhnya berasa simpati dan berbaur kagum dengan ketabahan seorang insan bernama Wan Azizah, atau lebih dikenali dengan nama Kak Wan, dalam menempuh liku-liku hidup beliau yang begitu mencabar namun, berkat kesabaran, Kak Wan terus cecakal berjuang.

Nampaknya, Kak Wan ada bersama-sama kita pada hari ini.

Justeru, marilah kita sama-sama memberi tepukan kepada Kak Wan Azizah binti Wan Salleh, yang berada di atas sana, contoh Sahabat AIM yang telah berjaya menjadi jutawan di bidang ternakan dan pemprosesan ayam, dengan modal permulaan hanya sebanyak 500 ringgit daripada AIM sejak 1993.

60. Selanjutnya, 80 juta ringgit disediakan di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa melalui Bank Rakyat dan Bank SME, bagi menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera luar bandar.

Meningkatkan Eksport

61. Eksport negara pula, akan terus dipergiat, terutama kepada sektor eksport yang bernilai tinggi menerusi langkah berikut:

Pertama: 150 juta ringgit kepada MATRADE, MIDA dan SME Corp bagi melaksanakan promosi dan peluasan pasaran eksport termasuk *Market Development Grant*;

Kedua: Satu bilion ringgit disediakan oleh EXIM Bank bagi kemudahan kredit perlindungan insurans, dan dua ratus juta ringgit untuk kemudahan kredit pembiayaan kepada pengeksport PKS; dan

Ketiga: 100 juta ringgit disediakan sebagai pinjaman dengan 70 peratus jaminan Kerajaan bagi mengautomasi pengeluaran perabot tempatan untuk tujuan eksport.

Mempergiat Sektor Pertanian

62. Tuan Yang Dipertua, para pesawah, para petani, para pekebun kecil, para nelayan, para penternak, serta mana-mana rakyat Malaysia yang terlibat dalam sektor pertanian. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan lah antara kelompok masyarakat yang sangat dekat di hati saya dan Kerajaan.

63. Justeru, buat pertama kali dalam sejarah Bajet negara, saya dengan penuh prihatin mengumumkan, peruntukan paling besar kepada kelompok pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak, dan penoreh getah sebanyak 6.5 bilion ringgit antaranya:

Pertama: 2.3 bilion ringgit bagi bantuan dan insentif seperti baja dan input pengeluaran kepada pesawah, pekebun kecil getah dan nelayan;

Kedua: Hampir 500 juta ringgit bagi menambah baik infrastruktur pengairan di kawasan pertanian dan menaik taraf jalan ladang;

Ketiga: Hampir 200 juta ringgit bagi program penanaman semula getah dan menyediakan kemudahan infrastruktur dengan meningkatkan pengeluaran latex berbanding *cup lump*, sekali gus meningkatkan pendapatan para pekebun kecil;

Keempat: Hampir 140 juta ringgit bagi program pembangunan dan penanaman semula kelapa sawit termasuk promosi;

Kelima: Dalam memperkasakan sektor pertanian, 200 juta ringgit disediakan bagi inisiatif Sumber Kekayaan Baharu, khususnya untuk penanaman jagung bijian, kelapa, durian, dan sektor kulinari serta industri tenusu dengan menubuhkan Lembaga Tenusu dan Ruminan.

Contohnya, di Hong Kong, harga durian Mawsang King dikhabarkan telah mencecah lapan ratus ringgit sebiji.

Keenam: Buat pertama kalinya, skim khas, untuk program peningkatan pengeluaran kelapa melalui pendekatan penanaman semula kelapa variasi baru dari jenis Careca dan Matag akan diperkenalkan dengan peruntukan 50 juta ringgit, memanfaatkan 10 ribu pekebun kecil.

Pengurusan industri kelapa akan digabungkan di bawah satu lembaga bersama-sama industri nenas dan buah-buahan; dan

Ketujuh: Selain penoreh getah dan nelayan yang dikekalkan bantuan-bantuannya, pada Bajet kali ini, buat pertama kalinya, saya juga ingin mengumumkan bantuan sebanyak 200 ringgit sebulan bagi tempoh 3 bulan sementara menunggu hasil tuaian padi, dengan peruntukan hampir 150 juta ringgit kepada pesawah padi.

Mempergiat Industri Pelancongan

Tuan Yang Dipertua,

64. Ternyata, kini sektor pelancongan merupakan antara penjana pendapatan utama kepada ekonomi negara.

65. Buktinya *World Tourism Organisation* melaporkan bahawa pada 2016, Malaysia adalah negara ke-12 yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia.

Bak kata orang,

*Dari Melaka ke Negeri Pahang,
Tumpang Berteduh di Bandar Pekan,
Negara Tersohor Pelancong Pun Datang,
Itulah Tandanya Malaysia Aman.*

66. Seterusnya, bagi tahun 2018, dijangka 28 juta pelancong melawat Malaysia. Sehubungan itu:

- Pertama: Sukacita diisytiharkan dalam Bajet ini, tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Malaysia atau *Visit Malaysia Year 2020* di mana Malaysia akan menjadi tuan rumah antaranya kepada APEC, WCIT dan CHOGM;
- Kedua: Dua bilion ringgit diperuntukkan kepada Tabung Pelancongan PKS sebagai pinjaman kepada pengusaha pelancongan dengan memberi insentif subsidi kadar faedah dua peratus;
- Ketiga: Menambah satu bilion ringgit kepada Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan sebagai pinjaman mudah;
- Keempat: Menyediakan 500 juta ringgit bagi program pembangunan dan promosi pelancongan melalui kemudahan infrastruktur pelancongan, *homestay* dan program eko-pelancongan;
- Kelima: Memperluas hab serantau eVisa bagi memudahkan permohonan visa di seluruh dunia, terutama kepada ekspatriat, pelajar asing dan program *Malaysia My Second Home*;
- Keenam: Galakan cukai bagi pelaburan hotel baharu bertaraf 4 dan 5 bintang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020; dan
- Ketujuh: Galakan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat pengendali pelancongan dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2020.

Tuan Yang Dipertua,

67. Selain itu, industri pelancongan kesihatan turut diperkukuh menjadi sumber pendapatan negara, termasuklah menyediakan *end-to-end service* kepada pelancong kesihatan ke Malaysia.

68. Bagi hasrat ini, 30 juta ringgit disediakan kepada *Malaysian Healthcare Travel Council* (MHTC) untuk melaksanakan:

- Pertama: Mempromosi Malaysia sebagai Hab Rawatan Kesuburan, Termasuk IVF, dan Kardiologi Asia, yang akan diperluaskan dengan kemudahan eVisa dan pakej perkhidmatan kesihatan bernilai tinggi;
- Kedua: Memperkenalkan Program *Flagship Medical Tourism Hospital* yang menawarkan insentif khusus kepada hospital swasta bagi menarik pelancong kesihatan;
- Ketiga: Galakan elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus bagi pelancongan kesihatan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020;
- Keempat: Potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan mendapatkan pensijilan kualiti daripada Badan pensijilan akreditasi kualiti perkhidmatan kesihatan, bagi perkhidmatan pergigian dan ambulatori yang berdaftar dengan MHTC; dan
- Kelima: Insentif khas pengecualian cukai dinaikkan daripada 50 peratus ke 100 peratus dari nilai peningkatan eksport, bagi perkhidmatan jagaan kesihatan swasta sahaja, mulai tahun taksiran 2018 hingga 2020.

Memacu Sektor Logistik

Tuan Yang Dipertua,

69. Dalam memastikan limpahan ekonomi yang lebih seimbang di antara bandar dan luar bandar, Kerajaan akan memperkemas infrastruktur logistik dan pengangkutan, melalui langkah berikut:

- Pertama: Pembinaan projek *East Coast Rail Link* atau ECRL yang menghubungkan Pelabuhan Klang ke Pengkalan Kubor, Kelantan yang dapat membawa muatan kargo dan penumpang dalam tempoh empat jam. Kerja-kerja pembinaan fizikal akan bermula Januari 2018.

Selain itu, 110 juta ringgit diperuntukkan untuk menyediakan jalan alternatif ke Pelabuhan Klang bagi melengkap dan melancarkan jaringan pengangkutan;

Kedua: Projek MRT2 jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya dengan jarak 52 kilometer meliputi 37 stesen dengan anggaran kos 32 bilion ringgit.

Selain itu, Kerajaan akan mempercepatkan pembinaan MRT3 atau Circle Line, dijangka siap pada 2025, lebih awal berbanding 2027.

Selanjutnya, bagi projek LRT3 yang bakal menghubungkan Bandar Utama ke Johan Setia, Klang, dijangka siap pada Februari 2021;

Ketiga: Projek *High Speed Rail* menghubungkan Kuala Lumpur-Singapura sejauh 350 kilometer dalam masa 90 minit, dijangka memanfaatkan rakyat menjelang 2026;

Keempat: Berita gembira buat rakyat Selangor dan Perak, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Banting ke Taiping sedang dibina dengan kos lima bilion ringgit;

Kelima: Untuk Projek *Central Spine Road*, 230 juta ringgit diperuntukkan untuk tahun 2018 bagi meneruskan pembinaan, antaranya pakej jajaran Raub ke Bentong dan jajaran Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang;

Keenam: Bajet ini juga mengisytiharkan bahawa, Pulau Pangkor di Perak sebagai Pulau Bebas Cukai. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk barang-barang seperti minuman keras, rokok dan kenderaan bermotor; dan

Ketujuh: Untuk merancakkan ekonomi di bahagian Utara, *Special Border Economic Zone* di Bukit Kayu Hitam akan dibangunkan.

Pembangunan ini turut merangkumi Zon Perindustrian Bebas yang akan menjadi tarikan baharu kepada pelabur dari dalam dan luar negara.

Tuan Yang Dipertua,

70. Di samping itu juga, Kerajaan melihat secara holistik keperluan rakyat untuk menikmati sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan selamat dengan langkah berikut:

Pertama: Tiga bilion ringgit disediakan kepada Dana Pembangunan Pengangkutan bagi pembelian aset kapal, pembangunan industri teknologi aeroangkasa dan rel.

Seterusnya, satu bilion ringgit diperuntukkan kepada Tabung Pengangkutan Awam bagi modal kerja dan pembelian aset seperti bas dan teksis;

Kedua: 95 juta ringgit bagi pembaikan dan pembinaan jeti serta pengerukan kuala sungai;

Ketiga: Berikutan kejadian-kejadian kemalangan bas penumpang, 45 juta ringgit dibelanjakan bagi mewujudkan satu sistem kawalan *biometric* untuk memantau pemanduan perkhidmatan bas ekspres; dan

Keempat: 55 juta ringgit sebagai subsidi pengangkutan perkhidmatan keretapi luar Bandar, dari Tumpat ke Gua Musang.

Tuan Yang Dipertua,

71. Saya membentangkan Bajet ini sebagai Perdana Menteri untuk kesejahteraan rakyat, tanpa mengira perbezaan fahaman politik dan kedudukan geografi, demi kepentingan ekonomi negara secara keseluruhannya, maka saya mengumumkan.

Pertama: Kerajaan akan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi;

Kedua: Membina baharu lapangan terbang Mukah dan pembesaran lapangan terbang Kota Bharu dan Sandakan;

Ketiga: Sementara itu, satu kajian mengenai lapangan terbang baharu di Pulau Tioman sedang dijalankan oleh Kerajaan; dan

Keempat: Untuk merancang pembangunan di Labuan, Kerajaan akan membuat *feasibility study* bagi membina jambatan menghubungkan Labuan dengan tanah besar di Sabah.

Memperkukuh Pasaran Kewangan

Tuan Yang Dipertua,

72. Sesungguhnya, kita berbangga Malaysia dikenali sebagai peneraju sistem kewangan Islam dunia. Justeru, bagi memperkukuhkan potensi Malaysia sebagai pusat kewangan yang lebih komprehensif, Kerajaan akan meneruskan langkah berikut:

Pertama: 1.5 bilion ringgit untuk pinjaman perniagaan yang dikendalikan oleh SJPP, menggunakan harta intelek sebagai instrumen cagaran dengan memberi jaminan pembiayaan sehingga 80 peratus; dan

Kedua: Memberi pengecualian duti setem ke atas nota kontrak bagi transaksi jual beli *Exchange-Traded Fund* dan *Structured Warrants* bagi tempoh tiga tahun mulai Januari 2018.

73. Untuk merancang pasaran modal dan menyediakan akses pelaburan, *Alternative Trading System* akan diperkenalkan, tertakluk kepada pematuhan kesemua syarat dan piawaian regulatori yang ditetapkan. Ini akan membolehkan padanan tawaran jual-beli yang lebih efisien dan ketara.

Tuan Yang Dipertua,

74. Selanjutnya juga, Kerajaan ini turut mendengar rintihan dan keluhan banyak syarikat kecil seperti *start-ups* yang sukar mendapat akses kepada modal, bagi membawa mereka ke pasaran yang lebih luas.

75. Untuk itu, Bajet ini akan menggalakkan aktiviti *venture capital* dengan melaksanakan langkah seperti berikut:

- Pertama: Satu bilion ringgit disediakan oleh pelabur institusi utama untuk pelaburan *venture capital* dalam sektor keutamaan terpilih yang diselaras oleh Suruhanjaya Sekuriti;
- Kedua: Meluaskan pengecualian cukai pendapatan, meliputi fi pengurusan dan fi prestasi yang diterima oleh syarikat pengurus *venture capital* mulai tahun taksiran 2018 hingga 2022;
- Ketiga: Bagi memberi kemudahan kepada syarikat *venture capital* untuk melabur di dalam syarikat teroka, adalah dicadangkan had minima pelaburan dalam syarikat teroka dikurangkan daripada 70 peratus kepada 50 peratus, mulai tahun taksiran 2018 hingga 2022;
- Keempat: Syarikat atau individu yang melabur dalam syarikat *venture capital*, diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan yang dibuat di dalam syarikat teroka, terhad kepada maksima 20 juta ringgit setahun; dan
- Kelima: Galakan pengecualian cukai pendapatan yang bersamaan jumlah pelaburan oleh *angel investor* dalam syarikat teroka dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

76. Seterusnya, Kerajaan akan terus merancakkan pasaran *Sustainable and Responsible Investment* dengan langkah berikut:

- Pertama: Pengecualian cukai pendapatan ke atas penerima geran khas Sukuk *Green SRI* berjumlah enam juta ringgit; dan
- Kedua: Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan fi pengurusan diperluaskan kepada pengurus dana *SRI* konvensional yang diluluskan mulai tahun taksiran 2018 hingga 2020.

Tuan Yang Dipertua,

77. Kerajaan akan menggalakkan ekonomi *cashless society* melalui peningkatan keberkesanan penggajian pekerja asing. Mulai 2018, Bank Negara Malaysia akan memantau pembayaran gaji kepada semua pekerja asing, kecuali pembantu rumah, dibuat melalui akaun bank tempatan.

PETUNJANG KEDUA: MENUJU ASPIRASI TN50

Tuan Yang Dipertua,

78. Pada pembentangan Bajet 2017 lalu, saya memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 bagi melakar sebuah negara bangsa yang unggul, agar Malaysia terjuang dalam 20 negara terbaik di dunia.

79. Dilaksanakan secara *bottom-up*, saya sendiri telah turun padang, mengadakan siri-siri wacana dan dialog TN50, dengan pelbagai segmen masyarakat seperti belia, mahasiswa, penjawat awam, penggiat seni, pendidik, dan pihak swasta, bagi mendapatkan aspirasi, pandangan dan idea.

Setakat ini, lebih daripada 80 ribu aspirasi telah diterima, melibatkan 1.8 juta rakyat, mewakili pelbagai golongan dari seluruh negara.

Kemudahan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Kebajikan OKU

Tuan Yang Dipertua,

80. Menuju TN50, bagi mencapai kualiti kerja dan kehidupan keluarga yang seimbang, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mewajibkan semua bangunan pejabat yang baharu supaya menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak, bermula di Kuala Lumpur.

81. Selain itu, TN50 juga menekankan aspek pembelaan nasib semua golongan, termasuklah kebajikan Orang Kurang Upaya atau OKU.

Justeru, potongan cukai tambahan bagi majikan menggaji OKU diperluaskan kepada majikan yang menggaji pekerja yang mengalami kemalangan atau penyakit kritikal, yang disahkan oleh Lembaga Perubatan PERKESO bahawa mereka masih layak bekerja.

Memupuk Budaya Menyimpan Wang Untuk Generasi TN50

Tuan Yang Dipertua,

82. Seterusnya, demi menjamin masa depan generasi TN50 yang lebih cerah, Kerajaan bersama-sama Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah bersetuju supaya, setiap anak Malaysia yang dilahirkan bermula 1 Januari 2018 sehingga 2022, dihadihkan Dana Tabungan Permulaan sebanyak 200 ringgit melalui unit Amanah Saham di PNB.

83. Skim yang pertama kali diperkenalkan di negara ini akan dinamakan sebagai Amanah Dana Anak Malaysia 2050, atau sesudahnya ini dikenali sebagai ADAM50.

Pendidikan untuk Generasi TN50

Tuan Yang Dipertua,

84. Menyentuh tentang pendidikan untuk generasi TN50 lagi, sebanyak 250 juta ringgit disediakan untuk:

Pertama: Menubuhkan pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM, bertujuan membentuk kaedah pembelajaran terkini, bagi melatih guru pakar STEM mengguna pakai fasiliti institut pendidikan guru sedia ada, dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia;

Kedua: Mempertingkatkan modul *Computer Science* yang termasuk program *Coding* dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah, yang kini telah pun wujud di Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga;

Ketiga: Memperuntukkan 190 juta ringgit bagi menaiktaraf dua ribu kelas menjadi Bilik Darjah Pintar Pembelajaran

Abad Ke-21, bagi meningkatkan pembelajaran berasaskan pemikiran kreatif dan inovatif; dan

Keempat: Menuju TN50, Kerajaan juga melihat peranan penggiat seni untuk mengangkat mutu budaya ke tahap yang lebih tinggi. Untuk itu, hampir 20 juta ringgit disediakan kepada *Cultural Economy Development Agency*.

Memartabat Pendidikan Tinggi

Tuan Yang Dipertua,

85. Mutakhir ini, Kerajaan amat berbangga dengan pencapaian terbaik pendidikan tinggi negara kita:

Pertama: Menurut Laporan QS University Ranking 2017/2018, kelima-lima *Research Universities* di negara ini telah meningkat naik tergolong kumpulan 300 universiti terbaik global, yakni tersenarai antara satu peratus terbaik dunia;

Kedua: Malah, ranking Universiti Malaya telah meningkat sebanyak 19 anak tangga, ke kedudukan 114, menghampiri 100 universiti terbaik dunia;

Ketiga: Mengikut ranking Universitas 21, yang menilai sistem pendidikan tinggi, Malaysia ditempatkan pada kedudukan ke-25 terbaik dunia, kita telah mendaki sebanyak 11 anak tangga dalam tempoh enam tahun; dan

Keempat: Dengan jumlah 134 ribu pelajar asing di IPT tempatan, kita menghampiri matlamat menjadi Hab Pendidikan Tinggi Serantau.

Tuan Yang Dipertua,

86. Sejak tahun 2009 hinggalah sekarang, peruntukan untuk biasiswa yang disediakan oleh Kerajaan berjumlah 44 bilion ringgit. Bagi tahun 2018:

- Pertama: 2.2 bilion ringgit bagi pemberian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Kesihatan;
- Kedua: 400 juta ringgit untuk geran penyelidikan dan pembangunan kepada IPTA, berbanding 235 juta ringgit yang diperuntukkan dalam Bajet yang lalu, termasuk satu peruntukan khas kepada Universiti Malaya untuk mencapai status *Top 100 Universities in the World* dalam masa terdekat;
- Ketiga: 90 juta ringgit diperuntukkan bagi Program MyBrain untuk 10,600 orang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan kedoktoran; dan
- Keempat: Setiap penuntut di IPT dan tingkatan enam pula akan terus diberi Bantuan Baucar Buku bernilai 250 ringgit, memanfaatkan seramai 1.2 juta pelajar.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan sekalung tahniah kepada barisan kepimpinan baharu Majlis Perwakilan Pelajar di semua Universiti Awam, yang nampak kali ini, majoritinya dimenangi oleh pimpinan Mahasiswa Pro-Aspirasi, generasi pewaris TN50. Sebahagian wakil mereka turut bersama kita. Syabas dan tahniah diucapkan!

Kerjaya dan Bakat TN50

Tuan Yang Dipertua,

87. Rakyat Malaysia perlu mempersiapkan siaga diri, peka dan pantas, melalui latihan dan latihan semula, dalam memenuhi kehendak pasaran kerja. Kerajaan akan terus memberi sokongan melalui,

88. Contohnya, Skim Latihan 1Malaysia atau SL1M, yang telah melatih lebih 138 ribu graduan, akan diteruskan dengan peningkatan sebanyak lima ribu graduan kepada 25 ribu perantis pada tahun hadapan. Manakala, program temuduga terbuka oleh unit SL1M juga diteruskan dengan peruntukan sebanyak 40 juta ringgit.

89. Bagi memperluaskan SL1M, syarikat swasta yang mendapat kontrak Kerajaan diwajibkan memperuntukkan satu peratus daripada nilai projek kepada SL1M.

90. Selain itu, Kerajaan akan mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti JobsMalaysia, SL1M, PERKESO, *Human Resources Development Fund* (HRDF) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di *Urban Transformation Centre* (UTC) untuk menyediakan khidmat nasihat profesional bagi mendapatkan pekerjaan serta latihan.

91. Bagi mencungkil bakat-bakat terbaik negara, Kerajaan akan mencipta *talent file* program *National Leaders Circle* di bawah Talentcorp bagi mengenalpasti dan menyenaraipendekkan bakat-bakat pimpinan yang sesuai dan tepat, untuk mengisi jawatan-jawatan penting dan tertinggi.

92. Kerajaan memandang serius gejala sosial yang membarah dalam masyarakat. Untuk menanganinya, geran sepadan sebanyak 50 juta ringgit bagi membiayai *social enterprise* dan NGO untuk menyelesaikan masalah kemasyarakatan harian serta cabaran sosial secara inovatif yang membantu rakyat.

Pembangunan Sukan

Tuan Yang Dipertua,

93. Pada Ogos dan September yang lalu, di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur menyaksikan bahawa, Malaysia telah diisytiharkan sebagai Juara Keseluruhan Temasya Sukan SEA Ke-29, dan mendapat tempat Kedua Sukan Para ASEAN Ke-9.

94. Justeru, bagi pihak Kerajaan, marilah kita beri tepukan paling gemuruh kepada semua wira dan wirawati kita di atas sana.

Tuan Yang Dipertua,

95. Bagi mengekalkan momentum bidang sukan dalam menjadi *sports powerhouse*, Kerajaan memperuntukkan satu bilion ringgit bagi melaksanakan inisiatif meliputi FitMalaysia, Hari

Sukan Negara, latihan atlit, program akar umbi dan program pembangunan bola sepak negara.

96. Kerajaan juga mengumumkan pembinaan 14 kompleks sukan baharu di seluruh negara, dengan kos 112 juta ringgit.

97. Di samping itu, sukacita diumumkan peruntukan 20 juta ringgit kepada Sekolah Sukan Bukit Jalil, untuk menambah baik kemudahannya sebagai sekolah sukan premier.

PETUNJANG KETIGA: MENGUNGGULI PEMBANGUNAN PENDIDIKAN, LATIHAN, KEMAHIRAN DAN BAKAT

Tuan Yang Dipertua,

98. Untuk pengetahuan, perbelanjaan pendidikan Malaysia adalah lebih dua kali ganda daripada perbelanjaan negara ASEAN lain secara purata. Bagi tahun 2018, 61.6 bilion ringgit disediakan untuk sektor ini.

Ini termasuk 654 juta ringgit bagi pembinaan empat pra sekolah, sembilan pusat PERMATA termasuk dua pusat baharu untuk kanak-kanak autisme, 48 buah sekolah rendah, menengah dan kolej vokasional, serta sebuah pusat matrikulasi.

Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah

99. Saban tahun, Bajet ini sentiasa memberi keutamaan kepada Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah. Di sudut ini, 550 juta ringgit diperuntukkan dengan pecahan berikut:

- Sekolah Kebangsaan - 250 juta ringgit;
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina - 50 juta ringgit;
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil - 50 juta ringgit;
- Sekolah Mubaligh - 50 juta ringgit;
- Sekolah Berasrama Penuh - 50 juta ringgit;
- Maktab Rendah Sains MARA - 50 juta ringgit; dan
- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan - 50 juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

100. Menyedari dan menginsafi hakikat bahawa terdapat hampir dua ribu sekolah di seluruh negara yang berada dalam keadaan daif, seperti bumbungnya bocor, lantai yang rosak, dinding berlubang dan peralatan yang sudah lama tidak berganti.

101. Untuk itu, melalui kaedah *Industrial Building System*, Kerajaan dengan penuh rasa tanggungjawab, mengumumkan, peruntukan terbesar sejumlah 2.5 bilion ringgit bagi tempoh dua tahun, dengan pecahan 500 juta ringgit buat sekolah-sekolah daif di Semenanjung Malaysia, 1 bilion ringgit di Sabah dan 1 bilion ringgit di Sarawak.

Bantuan Persekolahan

102. Sejumlah 2.9 bilion ringgit pula, diperuntukkan untuk bantuan makanan, buku teks, geran kapita dan biasiswa kecil persekutuan.

103. Manakala, Bantuan Persekolahan seratus ringgit seorang kepada murid sekolah daripada keluarga berpendapatan rendah diteruskan, dengan peruntukan 328 juta ringgit, memanfaatkan 3.2 juta murid.

Tuan Yang Dipertua,

104. Menyentuh hal pendidikan, teringat saya intisari sajak *Guru Oh Guru* yang sering disesuaikan dengan karya Sasterawan Negara, Allahyarham Dato' Usman Awang atau nama penanya Tongkat Warrant, berbunyi:

*Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa,
Menjadi seorang Perdana Menteri, menjadi doktor,
menjadi peguam, menjadi ahli politik, menjadi akauntan,
Hakikat, sejarahnya dimula oleh seorang guru biasa,
Dengan lembut dan sabar,
Gurulah yang mengajar kita menulis dan membaca.*

105. Begitulah mulianya pengorbanan para guru, bagai lilin yang membakar diri. Maka diucapkan syabas kepada semua guru di seluruh Negara, yang telah bertungkus-lumus membangunkan anak-anak bangsa.

Pembiayaan Pengajian Tinggi

Tuan Yang Dipertua,

106. Seperti semua maklum, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan bagi menguruskan pinjaman untuk anak-anak Malaysia melanjutkan pengajian pendidikan tinggi.

107. Dalam bab PTPTN ini, semua kena faham, seperti mafhum dalam hadis, hutang tetap hutang dan wajib dibayar.

108. Maka hal PTPTN ini usahlah dipolitikkan, tapi peminjam perlu bertanggungjawab membayar balik, kerana generasi kini dan akan datang turut memerlukannya, sebagai mana anda semua.

109. Kepada semua peminjam PTPTN, Kerajaan bersetuju melanjutkan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 31 Disember 2018 seperti berikut:

- 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
- 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
- 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual.

110. Bukan itu sahaja, sukacita saya mengumumkan kelonggaran tambahan PTPTN seperti berikut:

Pertama: Bagi pelajar dari keluarga B40 yang mengikuti kursus kebolehpasaran tinggi, 200 juta ringgit ditambah untuk menaikkan jumlah pinjaman maksimum mereka; dan

Kedua: Tempoh *grace period* pembayaran balik pinjaman dilanjutkan kepada 12 bulan setelah tamat pengajian, berbanding enam bulan pada masa ini.

111. Seterusnya, kepada para peminjam yang ingin menyambung pengajian ke peringkat seterusnya, sebagai contoh diploma ke ijazah sarjana muda, mereka boleh menggabungkan pinjaman diploma dan ijazah sebagai satu pinjaman, dan hanya perlu membuat bayaran balik selepas tamat pengajian di peringkat ijazah itu.

112. Jelas sekali, pelbagai ruang telah Kerajaan berikan, kalau tak bayar juga, tak tahu lah apa yang kita nak ucapkan lagi.

Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia

Tuan Yang Dipertua,

113. Selain itu, bagi menggalakkan budaya menabung untuk pendidikan, 250 juta ringgit disediakan kepada 500 ribu pencarum berumur 7 hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang dinamakan semula sebagai Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia atau SSP1M, kelolaan PTPN.

Geran sepadan lima ratus ringgit akan diberikan kepada mereka yang mempunyai jumlah caruman sekurang-kurangnya lima ratus ringgit, dan hanya boleh dikeluarkan apabila mencapai usia 18 tahun.

114. Tambahannya, tempoh pelepasan cukai pendapatan individu dilanjutkan, terhad kepada enam ribu ringgit, bagi simpanan bersih yang dibuat ke dalam SSP1M selama tiga tahun mulai tahun taksiran 2018.

Memartabat Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Tuan Yang Dipertua,

115. Sebetulnya lagi, menyedari kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing, kesemua institusi TVET di bawah tujuh Kementerian, dinamakan sebagai TVET Malaysia, di bawah koordinasi Kementerian Sumber Manusia.

116. Selain itu, Kerajaan memperuntukkan 4.9 bilion ringgit untuk melaksanakan Pelan Induk TVET Malaysia.

117. Bagi menggalakkan lepasan TVET melanjutkan pengajian, Kerajaan menyediakan seratus Biasiswa Pelajar Cemerlang TVET dengan peruntukan 4.5 juta ringgit.

118. Bagi menyokong perkembangan industri pekerja mahir dalam bidang rel, Kerajaan akan menubuhkan *National Rail Centre of Excellence*, berperanan menyelia dan menyelaraskan jaminan kualiti serta akreditasi pendidikan dan latihan rel negara. Sebagai tambahan, syarikat Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., dengan kerjasama IPTA, akan melatih tiga ribu profesional dalam industri ini.

PETUNJANG KEEMPAT: MEMACU PEMBANGUNAN INKLUSIF

Tuan Yang Dipertua,

Menyedia Infrastruktur Rakyat yang Berkualiti

119. Sesungguhnya, kualiti infrastruktur dan *interconnectivity* negara akan terus dipermodenkan.

120. Justeru, Kerajaan terus bertumpu kepada projek infrastruktur rakyat bertaraf dunia. Contohnya, MRT jajaran Sungai Buloh-Kajang berjaya kita siapkan, berkeupayaan menampung 400 ribu pengguna sehari.

121. Menariknya, MRT ini merupakan *success story* di mana kita bukan sahaja dapat menyiapkan projek itu lebih awal daripada jadual, malah, telah berjaya menjimatkan kos sebanyak dua bilion ringgit daripada jumlah asal pembinaan.

Tuan Yang Dipertua,

122. Menjengah kemudahan prasarana di Sabah dan Sarawak pula, Kerajaan telah mengotakan janjinya melalui pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

123. Mudah-mudahan, projek ini akan terus mengukir senyuman lebar kepada *urang-urang* Sabah dan Sarawak kerana kemajuan telah sampai di kaki-kaki halaman masing-masing, sehingga kawasan terpencil di Kapit-Ulu Song, yang sebelum ini terputus hubungan dengan dunia luar.

Tuan Yang Dipertua,

124. Untuk infrastruktur asas terutama di luar bandar, 6.5 bilion ringgit disediakan, antaranya:

Pertama: Dua bilion ringgit untuk projek Lebuhraya Pan Borneo. Bagi negeri Sarawak, kesemua 11 pakej pembinaan telah diagihkan, manakala lima daripada 35 pakej Fasa Pertama di Sabah sudahpun dianugerahkan, dan 12 lagi dalam proses tender;

Kedua: 1.1 bilion ringgit untuk projek mesra rakyat seperti menaiktaraf jambatan, lampu jalan kampung, surau serta pasar;

Ketiga: Satu bilion ringgit diperuntukkan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), bagi membangunkan infrastruktur komunikasi serta kemudahan jalur lebar di Sabah dan Sarawak;

Keempat: 934 juta ringgit untuk projek jalan luar bandar, termasuk hampir 500 juta ringgit untuk Sabah dan Sarawak;

Kelima: 672 juta ringgit untuk bekalan elektrik, termasuk 620 juta ringgit untuk Sabah dan Sarawak melibatkan 10 ribu rumah luar bandar.

Secara keseluruhannya, sejak 2009, lebih 100 bilion ringgit subsidi telah dibelanjakan termasuk subsidi gas bahan api, untuk membolehkan rakyat Malaysia mendapatkan bekalan elektrik yang murah, berkualiti dan *reliable*;

Keenam: 420 juta ringgit termasuk hampir 300 juta ringgit untuk Sabah dan Sarawak, disediakan bagi bekalan air bersih meliputi tiga ribu rumah;

Ketujuh: 500 juta ringgit disediakan untuk Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam, dan Projek Infrastruktur Asas, untuk memenuhi keperluan dan wish list rakyat di peringkat akar umbi; dan

Kelapan: 50 juta ringgit diperuntukkan untuk pemetaan dan pengukuran tanah-tanah adat, iaitu 30 juta ringgit untuk Sarawak dan 20 juta ringgit untuk Sabah.

Sebahagian daripada projek *rakyat-centric* ini akan dilaksanakan melalui inisiatif pembiayaan swasta.

National Blue Ocean Shift (NBOS)

125. NBOS juga terus dilaksanakan secara pantas dan bersepadu, dengan kos yang minima serta berimpak tinggi.

126. Bagi 2018, sebanyak 300 juta ringgit diperuntukkan untuk program NBOS termasuk pembinaan UTC baharu, *Blue Ocean Entrepreneur Township*, *Mobile CTC*, program keusahawanan, *Global Entrepreneurship Community* serta Usahawan Sosial yang inklusif dan vibrant.

Kebajikan Peneroka FELDA

Tuan Yang Dipertua,

127. Kebajikan para peneroka FELDA terus dibela. Lebih 112 ribu peneroka FELDA telah menerima durian runtuh melalui enam insentif utama, antaranya bayaran Insentif Khas Peneroka bernilai lima ribu ringgit.

128. Saya juga ingin mengumumkan, Kerajaan akan mengembalikan wang ses yang telah dibayar oleh peneroka getah yang telah membuat tanaman semula kelapa sawit, dari tahun 2010 hingga 2016. Ini akan memanfaatkan 8,925 peneroka FELDA dengan peruntukan 43 juta ringgit. Bukan itu sahaja, 60 juta ringgit juga disediakan untuk program tanaman semula sawit.

129. Selanjutnya, 164 juta ringgit diperuntukkan bagi membina lima ribu unit Rumah Generasi Kedua FELDA, dengan kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

130. Sebagai tambahan, hampir 200 juta ringgit lagi diperuntukkan kepada FELDA, bagi sistem bekalan air dan menaik taraf jalan serta lampu jalan.

Mustahaknya, Kerajaan kini, dulu dan selamanya akan memperjuangkan nasib para peneroka FELDA.

Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Tuan Yang Dipertua,

131. Bagi mengekang ancaman ideologi ekstremisme seperti IS dan DAESH, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Serantau Digital Memerangi Mesej Melalui Komunikasi.

132. Di samping itu, Kerajaan akan mempertingkatkan keselamatan sempadan dan ketenteraman awam dengan memperuntukkan lebih 14 bilion ringgit untuk Angkatan Tentera Malaysia, hampir sembilan bilion ringgit untuk Polis DiRaja Malaysia dan lebih 900 juta ringgit kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau APMM.

133. Program utama yang akan dilaksanakan merangkumi:

Pertama: Tiga bilion ringgit untuk pembelian dan penyelenggaraan aset pertahanan;

Kedua: 720 juta ringgit bagi pembinaan sebelas ibu pejabat dan enam balai polis, serta pembelian kelengkapan senjata api dan kenderaan operasi. Manakala 170 juta ringgit untuk menaiktaraf peralatan ICT termasuk sistem 1PDRMnet, serta 100 juta ringgit bagi menaiktaraf sistem komunikasi. Selanjutnya, bagi menjaga kebajikan anggota polis, saya dengan sukacitanya mengumumkan, 10 ribu unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia-PDRM atau PPA1M-PDRM akan dibina, yang harganya sesuai dengan tangga gaji anggota polis;

- Ketiga: 490 juta ringgit kepada APMM untuk baik pulih dan selenggara kapal serta bot, menaiktaraf jeti, juga pembelian tiga kapal peronda;
- Keempat: 250 juta ringgit kepada *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan sempadan Sabah dan Sarawak, termasuk 50 juta ringgit untuk *coastal surveillance radar*;
- Kelima: 50 juta ringgit bagi meningkatkan keupayaan aset persenjataan pasukan gerak khas menangani kegiatan anti keganasan; dan
- Keenam: Selain itu, dalam menghargai peranan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) membantu masyarakat selama ini, Kerajaan menyediakan peruntukan yang paling tinggi, iaitu hampir 250 juta ringgit bagi kelengkapan keperluan, termasuk pakaian seragam.

134. Dalam menjaga kebajikan para tentera, Kerajaan akan:

- Pertama: Menyediakan *blueprint* Perumahan Keluarga Angkatan Tentera untuk membina lebih 40 ribu unit secara berfasa, menjelang tahun 2030. Bagi 2018, sebanyak hampir enam ribu unit akan dibina; dan
- Kedua: 40 juta ringgit untuk menaiktaraf lima hospital, membina empat poliklinik dan hospital veteran angkatan tentera.

135. Untuk itu, marilah kita bersama-sama memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan tepukan kepada semua anggota keselamatan negara, merangkumi pasukan polis, anggota tentera, dan APMM, yang telah berkorban jiwa dan raga, demi menjaga keamanan serta kedaulatan pertiwi tercinta ini.

Dasar Transformasi Kesejahteraan Bumiputera

Tuan Yang Dipertua,

136. Seperti mana kita maklum, masyarakat Bumiputera kini menghampiri 70 peratus daripada keseluruhan 32 juta rakyat Malaysia.

137. Oleh yang demikian, adalah wajar Kerajaan melalui Dasar Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) untuk terus memastikan Agenda Pemerkasaan Bumiputera menjadi Agenda Nasional.

138. Semenjak tahun 2009, pelbagai inisiatif besar bagi memperkasakan ekonomi Bumiputera telah dan sedang dilaksanakan.

139. Contohnya, inisiatif *Carve Out and Compete* bagi Bumiputera, telah mencapai nilai kontrak lebih 61 bilion ringgit. Juga, 1.7 bilion ringgit Dana Mudahcara telah diluluskan kepada 515 projek, menyediakan lebih 44 ribu peluang pekerjaan.

140. Apa yang membanggakan, program ini telah membuktikan bahawa, kontraktor-kontraktor Bumiputera semakin berdaya saing dan berkeupayaan, malah mampu menyiapkan projek lebih awal dari jadual, tanpa menjejaskan kualiti.

141. Di sudut lain, melalui Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, hampir 17 ribu bakat-bakat profesional bumiputera telah berjaya dilahirkan seperti di bidang perakaunan dan kejuruteraan.

142. Selain itu, 2.4 bilion ringgit diperuntukkan kepada UiTM. Dalam pada ini, Kerajaan telah menambah bilangan kemasukan pelajar di UiTM kepada lebih 165 ribu orang dengan sasaran mencapai 250 ribu pelajar menjelang 2020.

143. Lebih membanggakan, UiTM sebagai institusi Bumiputera, telah berjaya melahirkan lebih 700 ribu graduan Melayu dan Bumiputera.

144. Laginya, untuk 2018, Kerajaan memperuntukkan lebih 3.5 bilion ringgit bagi inisiatif:

Pertama: 2.5 bilion ringgit, yakni tertinggi pernah diberikan, untuk biasiswa pengajian tinggi dan latihan di bawah MARA, memanfaatkan hampir 90 ribu pelajar, termasuk 1,500 dalam bidang kritikal seperti *artificial intelligence*, *signalling* dan *rel*;

- Kedua: 90 juta ringgit, bagi Program Peneraju Profesional, Skil dan Tunas, memanfaatkan hampir lapan ribu orang;
- Ketiga: 200 juta ringgit untuk MARA Graduate Employability Training Scheme atau GETS;
- Keempat: 555 juta ringgit untuk Program Peningkatan Keusahawanan Bumiputera, terdiri daripada:
- 200 juta ringgit bagi Program Keusahawanan dan Premis Perniagaan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB);
 - 200 juta ringgit untuk Program Pembangunan Keusahawanan MARA; serta
 - 155 juta ringgit untuk program pembangunan kapasiti vendor, Tunas Usahawan Belia Bumiputera atau TUBE, Skim Usahawan Permulaan Bumiputera atau SUPERB dan Skim Anjakan Usahawan; dan
- Kelima: Bagi meningkatkan pegangan ekuiti dan pelaburan dalam sektor strategik, 150 juta ringgit diperuntukkan kepada Pelaburan Hartanah Berhad dan 150 juta ringgit kepada Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS).

Kesejahteraan Masyarakat Cina dan India

Tuan Yang Dipertua,

145. Sebagai satu Bajet yang inklusif, untuk komuniti Cina pula, Kerajaan turut menyediakan 50 juta ringgit untuk pinjaman PKS melalui Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI).

146. Sebagai tambahan, 30 juta ringgit juga disalurkan kepada Yayasan Peniaga dan Penjaja Kecil 1Malaysia untuk memberi pinjaman kepada penjaja komuniti Cina.

147. Sementara itu, kepada pembangunan Kampung-kampung Baru Cina, sebanyak 65 juta ringgit diperuntukkan, dan 10 juta ringgit lagi untuk program membaikpulih rumah.

Tuan Yang Dipertua,

148. Menyentuh kebajikan kaum India pula, purata pendapatan bulanan isi rumah menunjukkan kadar pertumbuhan yang tinggi, iaitu 6.8 peratus setahun. Laginya baru-baru ini, saya telah melancarkan *Malaysia Indian Blueprint* (MIB).

149. Untuk itu, melalui TEKUN, 50 juta ringgit diperuntukkan untuk Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India, memanfaatkan lebih 35 ribu usahawan. Sebagai tambahan, 50 juta ringgit lagi diperuntukkan untuk program pembangunan sosio ekonomi masyarakat India.

150. Pada masa yang sama, melalui MIB juga, pengambilan kaum India ke institusi pengajian tinggi awam dan perkhidmatan awam akan Kerajaan tingkatkan, dengan sasaran pengambilan baharu tujuh peratus.

151. Di bawah Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India atau SEDIC pula, lebih 230 juta ringgit telah diagihkan sejak 2014, memanfaatkan lebih 500 ribu peserta kaum India.

152. Bajet 2018 juga akan memperkenalkan satu inisiatif baharu untuk masyarakat India. Sukacita saya maklumkan bahawa Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan membuat pengagihan khas sejumlah 1.5 bilion unit tambahan Amanah Saham 1Malaysia untuk masyarakat India, terhad kepada 30 ribu unit setiap pelabur.

153. Bagi menyokong inisiatif ini juga, dana sebanyak 500 juta ringgit diperuntukkan untuk tempoh lima tahun bagi satu skim pinjaman pelaburan khas yang akan ditawarkan kepada 100 ribu isi rumah daripada golongan B40 masyarakat India, terhad kepada lima ribu unit setiap peserta.

154. MIB membuktikan kepada masyarakat India bahawa, dalam pembangunan negara, tidak ada kelompok yang ketinggalan, '*indeed, the future belongs to all of us*' atau dalam bahasa Tamilnya disebut sebagai, '*Naa-Ley Nama-They*'.

Orang Asli

Tuan Yang Dipertua,

155. Bagi meningkatkan taraf hidup dan pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli, 50 juta ringgit disediakan, meliputi program bantuan makanan komuniti, memanfaatkan hampir lima ribu pelajar Orang Asli.

156. Selain itu, sebagai insentif kepada anak Orang Asli yang berjaya, Kerajaan juga akan memberi bantuan sebanyak tiga ribu ringgit kepada ibu bapa, sebagai perbelanjaan persediaan anak-anak mereka memasuki institusi pengajian tinggi.

157. Selanjutnya, Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli juga diteruskan dengan peruntukan sebanyak 60 juta ringgit.

Wanita dan Kesejahteraan Keluarga

Tuan Yang Dipertua,

158. Sememangnya wanita adalah tulang belakang kepada kesejahteraan keluarga dan pembangunan negara. Maka, sebagai menghargai sumbangan mereka, sukacitanya Kerajaan mengumumkan, 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita.

159. Ke arah itu, antara langkah yang akan dilaksanakan:

Pertama: Mewajibkan sekurang-kurangnya 30 peratus keahlian wanita dalam lembaga pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Berkaitan Pelaburan Kerajaan (GLIC) serta badan berkanun, sebelum akhir tahun 2018;

Kedua: Mencadangkan tempoh cuti bersalin mandatori untuk sektor swasta dinaikkan daripada 60 hari ke 90 hari, seperti yang telah dilaksanakan oleh perkhidmatan awam;

- Ketiga: 20 juta ringgit untuk program latihan dan keusahawanan wanita antaranya *PEAK Entrepreneur Programme* di bawah *Performance Empowerment Acceleration Knowledge, MyWin Academy*; dan
- Keempat: Bagi menggalakkan golongan wanita kembali bekerja, Kerajaan mencadangkan layanan pengecualian cukai pendapatan individu disediakan ke atas pendapatan yang diperolehi dalam tempoh 12 bulan berturut-turut, kepada mereka selepas tempoh sekurang-kurangnya dua tahun berhenti daripada pekerjaan. Pengecualian ini layak dituntut bagi tahun taksiran 2018 hingga 2020.

PETUNJANG KELIMA: MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN PELUANG MENJANA PENDAPATAN

Tuan Yang Dipertua,

160. Mengutamakan kesejahteraan rakyat dan peluang menjana pendapatan.

Menjana Pendapatan Rakyat

161. Kerajaan terus komited dan berikhtiar gigih dalam mewujudkan peluang pekerjaan serta menjana pendapatan, melalui langkah-langkah berikut:

- Pertama: 100 juta ringgit untuk memperluas Program eRezeki, eUsahawan dan eLadang di bawah *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)*;
- Kedua: Menyediakan pinjaman mudah sebanyak 120 juta ringgit kepada seribu usahawan *Food Truck 1Malaysia* dan *Mobile Food Kiosk 1Malaysia* melalui Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional, dengan Kerajaan memberi subsidi kadar faedah empat peratus;
- Ketiga: 60 juta ringgit untuk program 1AZAM, termasuk 10 juta ringgit untuk Sabah dan 10 juta ringgit untuk Sarawak; dan

Keempat: 25 juta ringgit untuk Program Motosikal Tiga Roda di bawah FAMA, program *mobilepreneur* GiatMara, dan program MyAGROSIS.

162. Di sudut lain, selaras dengan IR 4.0, kepada semua pemandu teksi berdaftar sedia ada, bahawa Kerajaan mendengar pandangan tuan-tuan, yang berhasrat untuk bertukar ke penggunaan aplikasi *e-hailing*. Untuk itu, saya umumkan, geran lima ribu ringgit disediakan kepada setiap pemandu teksi yang terlibat untuk membeli kereta baharu.

Kita berasa gembira kerana beberapa wakil pemandu teksi turut hadir mendengar pembentangan Bajet pada petang ini. Kita ucapkan terima kasih.

Meningkatkan Pendapatan Boleh Guna (*Disposable Income*)

Tuan Yang Dipertua,

163. Sejak BR1M diperkenalkan, terbukti rakyat teramai menerimanya dengan senang hati dan rasa syukur. Jelas sekali, BR1M merupakan suatu bentuk subsidi bersasar kepada golongan yang benar-benar memerlukannya, terbukti keberkesanannya.

164. Hatta, pihak pembangkang yang begitu negatif terhadap inisiatif ini dan menuduh sebagai dedak itu dan umpan ini, tapi kini tanpa segan silu membuat *u-turn*, dan khabarnya Kerajaan Pulau Pinang sendiri telah akur akan benarnya program BR1M oleh Kerajaan ini.

165. Sehubungan itu, jika BR1M tahun ini telah memanfaatkan tujuh juta penerima dengan peruntukan 6.8 bilion ringgit, maka bagi tahun 2018, tujuh juta penerima itu akan terus menikmati pemberian ini, dengan kadar maksimum sehingga 1,200 ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

166. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah serta merapatkan jurang pendapatan di Malaysia.

167. Dengan ini, saya mengumumkan satu lagi khabar gembira kepada setiap 2.3 juta pembayar cukai, yang akan dinikmati

terutamanya oleh golongan pendapatan pertengahan yakni M40, atau lebih khusus, isi rumah berpendapatan sembilan ribu ringgit ke bawah.

168. Ingin saya umumkan, kadar cukai pendapatan individu pemastautin dikurangkan dua mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai antara 20 ribu hingga 70 ribu ringgit, iaitu:

Pertama: Banjaran pendapatan bercukai daripada 20,001 ringgit sehingga 35,000 ringgit, kadarnya diturunkan daripada lima peratus kepada tiga peratus;

Kedua: Banjaran pendapatan bercukai daripada 35,001 ringgit sehingga 50,000 ringgit pula, kadarnya diturunkan daripada 10 peratus kepada lapan peratus; dan

Ketiga: Banjaran pendapatan bercukai daripada 50,001 ringgit sehingga 70,000 ringgit kadarnya diturunkan daripada 16 peratus kepada 14 peratus.

Langkah ini akan meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat antara 300 ringgit sehingga seribu ringgit. Ini bermakna, dianggarkan sejumlah 1.5 bilion ringgit lebihan pendapatan boleh guna, dapat dibelanjakan oleh rakyat. Dengan langkah ini juga, lebih 261 ribu orang kini tidak perlu lagi membayar cukai pendapatan.

Tuan Yang Dipertua,

169. Seperkara lagi, demi kemaslahatan rakyat seharian, Bajet ini masih memperuntukkan 3.9 bilion ringgit subsidi barangan dan pengangkutan, termasuk gas memasak, tepung, minyak masak, subsidi elektrik dan tol.

170. Seperti yang telah diumumkan sebelum ini, Kedai Rakyat 1Malaysia akan distruktur semula sebagai KR1M 2.0. Sebagai permulaan pada 2018, 50 kedai akan dijadikan KR1M 2.0 dan diperluaskan kepada tiga ribu KR1M 2.0 dalam tempoh tiga tahun.

171. KR1M 2.0 akan menyediakan lima barang keperluan asas dengan harga rendah iaitu beras, gula, minyak masak, tepung dan gas memasak. Di samping itu, 50 jenis barangan pengguna berjenama dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran.

172. Bagi program penyeragaman harga barang keperluan asas di Sabah dan Sarawak diteruskan dengan peruntukan 80 juta ringgit.

173. Di samping itu, Kerajaan akan membangunkan Agrobazaar Malaysia dengan peruntukan 20 juta ringgit, bagi menyediakan ruang pasaran dan pusat jualan agro makanan dengan harga yang lebih rendah, dimulakan di Putrajaya.

174. Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani akan melaksanakan program melalui FAMA dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan peruntukan 50 juta ringgit, bertujuan agar pengguna memperoleh stok barang makanan dengan harga berpatutan seperti ikan, sayur, ayam dan telur.

Tuan Yang Dipertua,

175. Seterusnya, berita gembira buat pengguna lebuh raya di Selangor, Kedah dan Johor. Mulai 1 Januari 2018, Kerajaan telah bersetuju untuk:

Pertama: Memansuhkan kutipan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasau, Selangor;

Kedua: Memansuhkan kutipan tol di Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan

Ketiga: Memansuhkan kutipan tol di *Eastern Dispersal Link*, Johor.

Skim Persaraan 1Malaysia

Tuan Yang Dipertua,

176. Bagi mereka yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap, Kerajaan akan meningkatkan sumbangan terhadap caruman kepada 15 peratus tertakluk kepada maksimum 250 ringgit setahun di dalam Skim Persaraan 1Malaysia, di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan ini bermula dari 2018 hingga 2022.

Pembantu Rumah Asing

Tuan Yang Dipertua,

177. Kerajaan sedar akan beban kos yang ditanggung oleh isi rumah, bagi penggajian pembantu rumah asing. Pada masa ini, kos keseluruhan membawa masuk setiap pembantu rumah boleh mencecah setinggi 12 hingga 18 ribu ringgit.

178. Bagi mengatasi isu ini, Kerajaan akan mengkaji semula kos pengambilan pembantu rumah asing supaya dapat dikurangkan pada masa hadapan.

179. Sebagai permulaan, Kerajaan memberi pilihan kepada majikan untuk mengambil pembantu rumah asing secara langsung daripada sembilan negara sumber, tanpa melalui ejen.

180. Seterusnya, majikan boleh memohon visa pembantu rumah daripada Jabatan Imigresen Malaysia secara *online* dengan bayaran levi dan fi pemprosesan seperti kadar sedia ada.

Perumahan

Tuan Yang Dipertua,

181. Dalam hal perumahan dan kediaman, Kerajaan akan merencanakan lagi usaha pemilikan rumah untuk rakyat dengan peruntukan 2.2 bilion ringgit seperti berikut:

Pertama: 17,300 unit rumah Projek Perumahan Rakyat;

Kedua: Tiga ribu unit rumah program Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB;

Ketiga: 210 ribu unit rumah di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang berharga 250 ribu ringgit ke bawah. Untuk ini, 1.5 bilion ringgit diperuntukkan bagi tempoh dua tahun;

Keempat: 25 ribu unit rumah akan disiapkan pada tahun hadapan di bawah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan 128 ribu unit lagi di bawah pelbagai peringkat pelaksanaan;

Kelima: 600 unit rumah di bawah program *My Beautiful New Homes* atau *MyBNHomes* untuk isi rumah B40 antaranya di Terengganu, Pahang, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan kawasan orang asli;

Keenam: Dua ribu unit rumah di bawah program *MyDeposit* untuk membantu pembayaran deposit, dan program *MyHomes* untuk pemaju menyediakan lebih banyak rumah mampu milik; dan

Ketujuh: 200 juta ringgit untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah, termasuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia.

182. Bagi menggalakkan lebih banyak pembinaan rumah mampu milik, skim *step-up financing* yang diperkenalkan oleh PR1MA, dipanjangkan kepada pemaju perumahan swasta, berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan.

183. Berkaitan rumah terbengkalai pula, dicadangkan pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindahmilik, diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai, berkuatkuasa 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020.

Tuan Yang Dipertua,

184. Bagi tujuan menggalakkan pasaran sewaan rumah kediaman pula, buat kali pertama dalam tempoh 60 tahun, Kerajaan mengumumkan, pengecualian cukai ke atas pendapatan sewaan rumah kediaman sebanyak 50 peratus bagi pendapatan sewa sehingga dua ribu ringgit sebulan kepada individu rakyat Malaysia yang bermastautin di Malaysia.

185. Pengecualian ini diberi bermula dari tahun taksiran 2018 hingga 2020. Kerajaan juga akan menggubal Akta Sewaan Rumah Kediaman untuk melindungi penyewa dan pemilik rumah.

Kesihatan

Tuan Yang Dipertua,

186. Bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, Kerajaan memperuntukkan hampir 27 bilion ringgit, meliputi:

Pertama: 2.5 bilion ringgit bagi bekalan ubat-ubatan dan 1.6 bilion ringgit untuk barangan *consumable* dan sokongan perubatan;

Kedua: 1.4 bilion ringgit bagi menaiktaraf dan menyelenggara fasiliti kesihatan, peralatan perubatan dan ambulan, termasuklah pembinaan dewan bedah secara modular di tiga hospital iaitu Hospital Muar, Banting dan Balik Pulau;

Ketiga: Menaiktaraf perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik di Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu dan Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar;

Keempat: 100 juta ringgit untuk menaiktaraf hospital dan klinik termasuk sistem pendawaian;

Kelima: 50 juta ringgit untuk bantuan haemodialisis dengan subsidi 100 ringgit daripada keseluruhan kos 110 ringgit setiap sesi rawatan.

Maknanya, mulai 2018, pesakit berdaftar hanya membayar sepuluh ringgit sahaja bagi setiap sesi rawatan.

40 juta ringgit lagi diperuntukan bagi Tabung Bantuan Perubatan. Kedua-dua insentif ini khusus untuk golongan kurang berkemampuan; dan

Keenam: 10 juta ringgit untuk menampung kos perubatan bagi rawatan *rare diseases* yang kian meningkat, dan 30 juta ringgit disediakan bagi program Komuniti Sihat Perkasa Negara ke arah kesedaran terhadap kesan penyakit tidak berjangkit di 10 ribu kawasan seluruh negara; dan

Ketujuh: Sejumlah 50 juta ringgit diperuntukan kepada *Voluntary Health Insurance Scheme* untuk memperkasa sektor kesihatan.

187. Selanjutnya, Kerajaan akan membina hospital dan wad baharu meliputi:

Pertama: Dua blok wad wanita dan kanak-kanak di Hospital Tengku Ampuan Afzan dan Hospital Putrajaya, dengan kapasiti 300 katil setiap satu, dengan kos satu bilion ringgit;

Kedua: Pusat Kanser di Sungai Petani, dengan kos 500 juta ringgit, dengan kapasiti 200 buah katil;

Ketiga: Blok klinik pakar dan wad baharu di Hospital Pulau Pinang, berkapasiti 300 buah katil, dengan kos 500 juta ringgit; dan

Keempat: Pusat perkhidmatan perubatan forensik bertaraf antarabangsa di Hospital Kuala Lumpur, dengan kos 380 juta ringgit.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Tuan Yang Dipertua,

188. Berkaitan GST pula, bagi terus menambah baik pelaksanaannya, Kerajaan mencadangkan:

Pertama: Semua pembekalan perkhidmatan oleh PBT tidak dikenakan GST, berkuatkuasa mulai 1 April 2018 atau 1 Oktober 2018 berdasarkan pilihan PBT;

Kedua: Layanan GST berkadar sifar ke atas bahan bacaan, diseragam dan diperluaskan meliputi semua jenis majalah, komik, jurnal dan terbitan berkala mulai 1 Januari 2018;

Ketiga: Operator kapal persiaran diberi pelepasan GST ke atas perkhidmatan pengendalian yang dibekalkan

oleh operator pelabuhan di Malaysia. Pelepasan ini bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020; dan

Keempat: Pelepasan GST sepenuhnya diberi ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah dan rumah ibadat, yang dibiayai melalui sumbangan derma yang diluluskan. Pelepasan ini berkuat kuasa bagi kontrak perkhidmatan pembinaan yang ditandatangani mulai 1 April 2017.

Tuan Yang Dipertua,

189. Bercakap tentang GST lagi, pihak Kerajaan minta, agar sudah-sudahlah dipolemikkan sebagai isu politik, kerana terbukti GST menjadi penyelamat kepada ekonomi kita tahun ini, kerana tanpa kutipan GST 41 bilion ringgit ini, kita tidak dapat bayangkan macam mana negara boleh menampung perbelanjaan yang diperlukan untuk rakyat.

190. Jelasnya, pihak pembangkang sampai hari ini tidak sepakat tentang keputusan menerima sistem GST, ada yang kata GST diterima tapi *based on zero-rate*, dan yang terbaru dah nak kembali ke Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pula.

Tapi hakikatnya, apa yang telah Kerajaan lakukan itu, terakam dalam sejarah sebagai langkah berani yang terbukti kebenarannya.

191. Selanjutnya,

Kelima: Pelepasan GST diberi ke atas pengimportan peralatan berkaitan industri minyak dan gas di bawah satu perjanjian pajakan, dibekalkan oleh syarikat yang berada di Kawasan Ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman kepada pelanggan di Malaysia, mulai 1 Januari 2018;

Keenam: Pelepasan GST diberi ke atas pengimportan *big ticket items*, seperti kapal terbang dan kapal laut, oleh syarikat penerbangan dan perkapalan yang berdaftar di Malaysia.

Pelepasan GST turut diberikan kepada syarikat di dalam industri minyak dan gas yang mengimport pelantar minyak atau struktur terapung. Langkah ini bermula 1 Januari 2018; dan

Ketujuh: Perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan kediaman berstrata yang dibekalkan oleh Badan Pengurusan Bersama dan perbadanan pengurusan yang kini tidak dikenakan GST, diperluas untuk meliputi perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan yang dibekalkan oleh pemaju perumahan, mulai 1 Januari 2018.

PETUNJANG KEENAM: MEMPERSIAGA REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT DAN EKONOMI DIGITAL

Tuan Yang Dipertua,

Revolusi Perindustrian 4.0

192. Dunia kini di ambang *The Fourth Industrial Revolution* dan era *digital economy*, sehingga Kerajaan berusaha melaksanakan Dasar Digital Malaysia.

193. Lantaran itu, sebagai menyokong aktiviti pelaburan dan perniagaan IR 4.0, Kerajaan akan menyediakan geran sepadan sebanyak 245 juta ringgit di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik bagi menaiktaraf kemudahan *Smart Manufacturing*.

194. Selanjutnya, *Futurise Centre* di Cyberjaya akan diperkukuhkan sebagai pusat sehati syarikat korporat dan universiti, untuk membangunkan *prototype* produk serta melonjakkan daya inovasi.

195. Berkait ini Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan memberi galakan cukai seperti berikut:

Pertama: Melanjutkan tempoh insentif Elaun Modal Dipercepatkan sebanyak 200 peratus ke atas kelengkapan automasi dari tahun taksiran 2018 sehingga 2020;

- Kedua: Galakan Elaun Modal Dipercepatkan sebanyak 200 peratus, untuk sektor pengilangan dan perkhidmatan berkaitan pengilangan; dan
- Ketiga: Elaun Modal bagi peralatan ICT termasuk perbelanjaan pembangunan perisian komputer, layak dituntut sepenuhnya mulai tahun taksiran 2018 hingga 2020.

Pembangunan Lestari

Tuan Yang Dipertua,

196. Walau semaju mana kita mengejar arus kemodenan negara, kita tetap wajib memelihara kelestarian alam sekitar, sebagai khazanah warisan tanah air anak cucu kita.

197. Berkait ini, kita terkejut dengan tragedi tanah runtuh di Tanjung Bungah, Pulau Pinang yang telah menimbus lebih 20 mangsa, dan 11 daripadanya disahkan meninggal dunia. Dengan tidak disangka-sangka, terbitnya serangkap keluhan, bagi meratapi peristiwa ngeri itu.

198. Yang terlebih syahdu, kerana ia dinukilkan sendiri oleh Ahli Parlimen DAP yang kita segani dari sebelah sana, Yang Berhormat Kepong, bertajuk, "Tanah Runtuh di Lereng Bukit" di ruangan Twitturnya, yang berbunyi

*Ibu jaga anak kan sakit,
Darah tubuh beban kesihatan,
Pemaju bina leretan bukit,
Tanah runtuh korban insan.*

199. Sebetulnya apa kias yang YB Kepong ingin sampaikan, hanya Tuhan sahaja yang tahu.

Tuan Yang Dipertua,

200. Jadinya, untuk memastikan pembangunan lestari, langkah berikut akan dilaksanakan:

- Pertama: Lima bilion ringgit disediakan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, bagi menggalakkan pelaburan industri teknologi hijau;
- Kedua: Melaksanakan Program *Non-Revenue Water*, untuk mengurangkan kadar purata kehilangan air dengan kos 1.4 bilion ringgit;
- Ketiga: Membina *Off-River Storage* sebagai sumber air alternatif dengan kos 1.3 bilion ringgit; dan
- Keempat: 517 juta ringgit disediakan untuk rancangan tebatan banjir di seluruh negara.

Digital Free Trade Zone (DFTZ)

201. Berbalik kepada hal ekonomi digital, Malaysia bakal memiliki DFTZ yang pertama di luar negara China. DFTZ ini merangkumi *e-Fulfilment Hub*, *Satellite Services Hub* dan *e-Service Platform* bagi melonjakkan negara dalam perdagangan elektronik, dengan menjadikan KLIA sebagai *gateway* serantau.

202. Fasa Pertama DFTZ mensasarkan penyertaan 1,500 PKS dalam ekonomi digital dan dijangka menarik pelaburan sebanyak 700 juta ringgit dengan mewujudkan 2,500 peluang pekerjaan. Untuk tujuan ini:

- Pertama: 83.5 juta ringgit diperuntukkan bagi membiayai penyediaan infrastruktur fasa satu DFTZ di Aeropolis, KLIA; dan
- Kedua: Nilai *de minimis* bagi import, dinaikkan dari 500 ke 800 ringgit, untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab *e-commerce* serantau.

Regulatory Sandbox

Tuan Yang Dipertua,

203. Selanjutnya, Kerajaan akan mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk meraih manfaat inovasi, khususnya daripada cetusan idea *start-up* tempatan.

204. Sukacita diumumkan Kerajaan akan memperluaskan pendekatan *regulatory sandbox* bagi memudahkan syarikat menguji idea inovatif dan model perniagaan baharu, yang akan dilaksanakan oleh semua *Regulator* berkaitan.

PETUNJANG KETUJUH: MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PENYAMPAIAN GLC DAN PERKHIDMATAN AWAM

Tuan Yang Dipertua,

205. Meningkatkan kecekapan dan penyampaian GLC serta Perkhidmatan Awam.

Warga GLC

206. Selaras dengan falsafah pembangunan *growth with equity*, Malaysia berhasrat mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh dengan pengagihan hasil ekonomi yang lebih saksama kepada rakyat.

207. Bagi tujuan ini, syarikat GLC akan merintis teladan kepada sektor korporat melalui KPI bagi meningkatkan nisbah pampasan pekerja, selaras dengan pertumbuhan produktiviti seperti berikut:

Pertama: GLC akan meningkatkan pengagihan keuntungan kepada pekerjanya termasuk menerusi pembayaran gaji dan elaun secara berperingkat;

Kedua: Memperkenalkan *flexible benefits*, yakni pekerja diberi pilihan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna, dengan menukar kelayakan cuti tahunan dan cuti kesihatan kepada ganjaran tunai;

Ketiga: Menambah baik *flexible work arrangements*, untuk menggalakkan *work-life balance* melalui pengubahsuaian waktu bekerja mingguan, waktu kerja anjal dan kerja separa masa;

Keempat: Memperkenalkan kemudahan lepasan cuti untuk menunaikan umrah;

Kelima: Bagi menyokong ibu bapa bekerja, GLC akan menyediakan taska di pejabat utama dan kemudahan pengurangan waktu bekerja untuk pekerja wanita yang mengandung; dan

Keenam: Meningkatkan pelaburan dalam latihan khususnya melaksanakan kursus kemahiran digital untuk pekerja dan bantuan pendidikan untuk anak pekerja.

Mengutamakan Kebajikan Warga Emas, OKU dan Kanak-kanak

Tuan Yang Dipertua,

208. Berhubung hal penyampaian dalam mengutamakan kebajikan semua pihak termasuk warga emas, OKU dan kanak-kanak, sukacita Kerajaan mengumumkan bantuan 1.7 bilion ringgit kepada mereka, dan juga:

Pertama: Menaikkan elaun warga emas 50 ringgit menjadi 350 ringgit sebulan, memanfaatkan hampir 144 ribu orang, dengan peruntukan 603 juta ringgit; dan

Kedua: Menaikkan elaun OKU yang bekerja, tidak bekerja dan penjaga OKU sebanyak 50 ringgit sebulan, memanfaatkan lebih 163 ribu orang dengan peruntukan 100 juta ringgit.

209. Selain itu, bagi melindungi kanak-kanak dari jenayah seksual, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak, yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara. Pada tahun hadapan, tiga lagi mahkamah akan ditubuhkan.

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)

Tuan Yang Dipertua,

210. Kepada penjawat awam, bagi memudahkan mereka memiliki rumah idaman, mulai 1 Januari 2018, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam akan melaksanakan:

- Pertama: Membenarkan pembiayaan LPPSA ke atas hartanah yang dibangunkan di atas tanah wakaf;
- Kedua: Memasukkan yuran guaman berkaitan penyediaan perjanjian pembiayaan perumahan sebagai sebahagian daripada skop pembiayaan LPPSA;
- Ketiga: Membenarkan pembiayaan perumahan bersama atau *joint-loan* daripada LPPSA, antara suami isteri atau anak-anak, dengan syarat semua pemohon adalah anggota perkhidmatan awam; dan
- Keempat: Membenarkan pembiayaan perumahan bersama antara suami isteri atau anak-anak, dengan syarat, sekurang-kurangnya seorang pemohon adalah anggota perkhidmatan awam.

Manakala pemohon bersama bukan penjawat awam perlu menggunakan pembiayaan institusi kewangan atau agensi yang mempunyai skim pembiayaan perumahan sendiri, yang bersetuju menjadi pemegang gadaian kedua.

PETUNJANG KELAPAN: MENGIMBANGI PAR EXCELLENCE DUNIAWI DAN PAR EXCELLENCE UKHRAWI

Tuan Yang Dipertua,

211. Sesungguhnya, tiada siapa yang tahu dan dapat meramalkan apakah rupa bentuk, wajah dunia pada masa mendatang.

212. Tapi pastinya, Allah Hu Ta'ala menyukai hamba-hamba-Nya yang terus berikhtiar dengan gigih, merancang masa depan demi kepentingan negara dan ummah seluruhnya.

213. Berbekalkan mafhum Surah Al-A'raf ayat 96, di mana Tuhan akan melimpahkan rezeki dan keberkatanNya dari langit serta bumi, selagi penduduk dan rakyatnya beriman lagi bertaqwa.

214. Sebab itulah dalam konteks negara ini, Kerajaan mensasarkan Malaysia akan menjadi sebuah negara yang:

Pertama: *High-Income Advanced Economy* pada tahun 2020;

Kedua: Nilai ekonomi dan dagangan semasa menjadi dua trilion ringgit pada tahun 2025;

Ketiga: Menikmati impak dan manfaat IR 4.0 yang mula menampakkan kematangan signifikan pada tahun 2030;

Keempat: Watan yang lebih kompetitif lagi bersifat hampir *zero defects* pada tahun 2040; dan

Kelima: InsyaAllah, kita akan mencapai sebuah ketamadunan unggul di mana negara ini, bakal tersenarai dalam gelanggang kelompok 20 negara termaju lagi terbaik di persada dunia.

Institut Penyelidikan Sosioekonomi (SERI)

Tuan Yang Dipertua,

215. Hakikatnya, keluarga adalah institusi nukleus paling penting dalam membentuk nilai dan pengutuhan insan. Kerana, kesepaduan sosial lazimnya bermula daripada keharmonian dan kebahagiaan keluarga.

216. Untuk itu, Kerajaan akan mewujudkan Institut Penyelidikan Sosioekonomi (SERI) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan menaiktaraf KITA-UKM atau Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai institusi kebangsaan. Peruntukan yang sewajarnya akan disediakan oleh Kerajaan.

217. SERI berperanan mengkaji dan menilai keberkesanan dasar serta pelaksanaan program juga projek pembangunan negara terhadap rakyat. Manakala KITA menyelaraskan pendidikan sosioekonomi peringkat negara dan mewujudkan indeks pembangunan sosial negara.

218. Sebagai analoginya, jika Unit Perancang Ekonomi (EPU) berperanan seumpama *the brain* dalam menggubal dasar ekonomi, manakala, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) sebagai *hands and legs* dalam pemantauan projek, maka KITA dan SERI akan berfungsi sebagai *the soul or the heart*. Ia mencakupi aspek kerohanian dan jiwa, nilai-nilai murni serta program berbudaya tinggi untuk membina jati diri generasi TN50 bagi menangani gejala sosial.

219. Sehubungan ini, Kerajaan sentiasa menghargai peranan NGO dan akan terus berkerjasama dengan mereka dalam menangani masalah sosial. Penekanan akan diberikan kepada institusi keluarga yang merupakan nukleus yang paling kecil, namun paling penting dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat kita.

Penjawat Awam

220. Saya tahu, ramai yang ternanti-nanti pengumuman tertentu kepada 1.6 juta penjawat awam, sebagaimana yang saya war-warkan dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-15.

221. Lantas, demi menghargai sumbangan para penjawat awam, khabar gembira yang ditunggu-tunggu itu sudah pun tiba. Saya mengumumkan:

- Pertama: Kenaikan pangkat *time-based* kali kedua bagi kumpulan pelaksana untuk tempoh 13 tahun, selepas kenaikan kali pertama;
- Kedua: Penjawat awam yang dibersarakan atas sebab kesihatan, akan menerima faedah persaraan seolah-olah pegawai berkhidmat sehingga umur persaraan wajib;
- Ketiga: Membenarkan Gantian Cuti Rehat melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan;
- Keempat: Menaikkan kadar Cuti Rehat Khas bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan daripada tujuh hari kepada 10 hari setahun;

- Kelima:** Kerajaan buat pertama kalinya, bersetuju memberikan kemudahan tujuh hari cuti tanpa rekod sepanjang tempoh perkhidmatan bagi menunaikan umrah;
- Keenam:** Untuk memberi fleksibiliti, Kerajaan akan menambah satu lagi Waktu Kerja Berperingkat iaitu bermula jam 9 pagi hingga 6 petang;
- Ketujuh:** Pakar Perubatan Gred UD54 dan ke atas, yang telah diwartakan sekurang-kurangnya empat tahun serta memenuhi syarat tertentu akan diberi kelonggaran satu hari seminggu untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi;
- Kelapan:** Penjawat awam wanita yang mengandung lima bulan ke atas dibenarkan pulang lebih awal sejam.
- Bagi melengkapkan hasrat ini, suami yang bekerja Kerajaan juga dibenarkan pulang lebih awal sejam, syaratnya, suami dan isteri mestilah bekerja di lokasi yang berdekatan;
- Kesembilan:** Meningkatkan kelayakan cuti bersalin daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang perkhidmatan, tertakluk kepada maksimum 90 hari setahun;
- Kesepuluh:** Pembelajaran sepanjang hayat pegawai Perkhidmatan Awam dengan melaksanakan kursus Sarjana dan PhD secara *in-house*;
- Kesebelas:** Menaikkan kadar pencen terendah kepada seribu ringgit sebulan melibatkan lebih 50 ribu pesara awam, dengan sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan; dan
- Keduabelas:** Pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu dan bapa kepada pesara Kerajaan.
- Kesemua langkah di atas berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Komuniti dan Kejiranan

Tuan Yang Dipertua,

222. Sebagai negara Islam yang progresif dan dinamik, Kerajaan menghargai bakti Ketua Kampung serta Tok Batin. Untuk itu, Kerajaan mengumumkan bayaran khas *one-off* sebanyak 1,500 ringgit melibatkan 9,800 orang. 1,000 ringgit akan dibayar pada Januari 2018 dan 500 ringgit menjelang Hari Raya Aidilfitri.

223. Bagi memastikan kawasan kejiranan sentiasa selamat dan tenteram, 40 juta ringgit diperuntukkan untuk meneruskan pemberian geran Komuniti Penduduk 1Malaysia sehingga 10 ribu ringgit kepada persatuan penduduk yang berdaftar.

224. Selain itu, 40 juta ringgit diperuntukkan untuk GiatMara melaksanakan program latihan dalam komuniti, khususnya di 50 kawasan Projek Perumahan Rakyat untuk fasa pertama.

Memartabatkan Syiar Islam dan Pengutuhan Jati Insan

Tuan Yang Dipertua,

225. Baru-baru ini, seluruh negara dikejutkan dengan insiden menyayat hati, tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang mengorbankan 23 nyawa. Setulus takziah kita ucapkan kepada keluarga yang terlibat.

226. Demi memartabatkan syiar Islam dan pengutuhan jati insan, khususnya pengurusan sekolah tahfiz, diperuntukkan 50 juta ringgit kepada GiatMara bagi membaik pulih dan menyelenggara sistem pendawaian di semua sekolah tahfiz yang berdaftar di seluruh negara.

227. Selain itu, bagi melatih pelajar sekolah tahfiz supaya lebih berkemahiran, Skim Latihan Kemahiran GiatMara akan diperkenalkan.

228. Di samping itu, selain peruntukan 588 juta ringgit bagi bayaran elaun bulanan kepada imam, bilal, guru KAFA dan guru takmir yang diterima selama ini, untuk lebih menghargai mereka termasuk Tok Siak, Kerajaan sukacita mengumumkan, bayaran khas *one-off* sebanyak 1,500 ringgit kepada mereka.

Seribu ringgit dibayar pada Januari 2018 dan 500 ringgit lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri, memanfaatkan lebih 65 ribu orang dengan peruntukan hampir 100 juta ringgit.

PENUTUP

Tuan Yang Dipertua,

229. Demikianlah moga kita dapat berasakan, bak kata orang tua-tua, sejuk Dewan Parlimen Yang Mulia ini dek redup cuaca petang, agarnya Tuhan memayung-mayungi dan merahmat-rahmati pembentangan Bajet 2018 ini.

230. Mengambil iktibar daripada sirah perjuangan para Anbiya', golongan solihin dan seluruh kehebatan sejarah bangsa kita sendiri, malah, turut dipesan oleh Imam Ghazali dan Bapak Hamka bahawa, apalah guna kita hanya kaya harta, tetapi miskin jiwa.

231. Akan tetapi, apa yang Kerajaan mahukan adalah, sebuah bangsa yang bukan sahaja hebat fizikalnya, bahkan kaya jiwa dan kaya pekertinya, yakni *Par Excellence* Duniawi dan *Par Excellence* Ukhrawi.

232. Pucuk pangkalnya, sepanjang berbulan-bulan yang lalu, segala kerja keras dan titik peluh Kerajaan secara kolektif, melibatkan semua kementerian dan agensi, pihak swasta, NGO, para belia, kumpulan profesional dan teramat utama pelbagai lapisan rakyat yang turut menyumbang idea dan cadangan melalui pelbagai platform dan saluran, dalam merangka Naskhah Besar ini.

233. Kerana itulah, belanjawan ini mencipta tawarikh sebagai sebuah Bajet yang paling inklusif pernah dipersembahkan.

234. Semuanya, tidak lain dan tidak bukan telah dikarang dan disusun dalam memenuhi tuntutan *Dho'ruriyyat*, *Haajiyat* dan *Tahsiniyat*, demi mensejahterakan kehidupan rakyat, sekaligus memakmurkan negara.

235. Maka, Tuan Yang Dipertua serta seluruh rakyat Malaysia, pada hemah saya, selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, inilah... belanjawan yang tidak pernah diperucapkan sedemikianya, semenjak saya ambil alih tampuk kepimpinan Negara, ini kerana ianya bersifat holistik dan sarat dengan falsafah dan secara peribadinya boleh ditanda sejarah menjadi *Ibu Segala Bajet*.

236. Sesungguhnya, saya bagi pihak Kerajaan berani berkata demikian, kerana pada Bajet kali ini, telah terhimpun dan terungkap dalamnya pelbagai premis yang menjadi asas kepada sebuah Bajet Komprehensif, mengambil hitung seawal kepentingan bayi yang masih dalam kandungan sehingga lahir ke dunia ini, sampailah urusan masa hadapan negara.

Tuan Yang Dipertua,

237. Oleh semuanya itu, maka, ternyahlah segala apapun bentuk keraguan, yang cuba dipolemikkan oleh pakatan pembangkang.

238. Realitinya, pakatan pembangkanglah sebenarnya yang selama ini, berada dalam keraguan. Mereka ragu dengan kepimpinan mereka, mereka curiga-mencurigai antara satu sama lain, malah, mereka saling guna-memperguna sesama sendiri, dengan izin Tuan Yang Dipertua dalam Bahasa Inggeris *there is no certainty in political leadership, how can they be trusted to provide a sound economic leadership*.

Waima, kononnya mahu menghapuskan BR1M, kini menyokong pula, nak meniadakan GST, tapi kini, nak mengekalkan pula dengan zero-rate dan tambah balik SST, nak memotong cukai itu dan cukai ini, nak menghapuskan pinjaman PTPTN, tapi kini ternyata nak diadakan kembali, nak memperkenalkan subsidi minyak, tapi kini beralih kepada subsidi bersasar, dengan izin sekali lagi bak kata orang putih, *the only thing consistent with the opposition is that they are continuously inconsistent*.

Apa yang kita sering dengar, asyik-asyik *U-turn*, asyik-asyik *u-turn*, and more *u-turns*, sehingga segalanya membuat pemikiran rakyat dikelirui, didamak dan diracuni.

Tuan Yang Dipertua

239. Lalu, syukur setingginya dipanjatkan ke hadrat Allah Hu Taala, kerana berkat kegigihan usaha Kerajaan selama ini, dikurniakan hasil bagi dituai dan dinikmati oleh rakyat Malaysia sekalian.

240. Kepada Penjawat Awam, yang dinanti-nanti telah pun menjelma. Bagi menyanjung tinggi sifat wala' dan kesetiaan Tuan-tuan dan Puan-puan, dalam mendokong kemajuan negara serta melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap lagi berkesan kepada rakyat, maka sukacitanya saya mengumumkan:

Bayaran khas sebanyak 1,500 ringgit kepada semua penjawat awam. Bayaran ini akan diberikan dua kali, iaitu seribu ringgit pada awal Januari 2018 dan 500 ringgit lagi menjelang Hari Raya Aidil Fitri tahun hadapan.

Manakala tidak pernah dilupakan, kepada pesara Kerajaan, bayaran khas sebanyak 750 ringgit, iaitu 500 ringgit dibayar pada Januari 2018 dan 250 ringgit lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Saudara dan Saudari Sahabat Seperjuanganku Sekalian,

241. Oleh itu, biarpun kita diherdik-herdik dan ditikam-tikam, tak sedikit pun akan goyah Barisan ini, kerana kita yakin bahawa, rakyat kini semakin bijak menilai yang mana satu kaca dan yang mana satu intan.

242. Terlebih penting, apabila rakyat menghakimi dengan bijak nanti dan terus bersatu hati dengan Kerajaan ini, barulah terbentang luas masa hadapan Malaysia yang cerah, saujana mata memandang.

243. Bagai disesuaikan dengan kalam Megat Terawis satu ketika dulu, bila rakyat dan Kerajaan menjadi satu, barulah negara gagah perkasa kerana pisau di tangan kita, mentimun pun di tangan kita, kalau nipis dihiris, maka nipislah jadinya, kalau tebal dihiris, maka tebalah jadinya.

Tuan Yang Dipertua,

244. Menyudahi kalam, dalam melakar dan mencarta titian masa depan negara, seumpama membidak buah-buah catur. Kita harus membaca gerakan dengan cermat dan mengatur strategi dengan penuh berhati-hati.

245. Dan segalanya hanya mampu diperbuat dan boleh dicapai dengan adanya kerjasama ikhlas sepasukan. Bertuahlah saya kerana mempunyai, bukan sekadar seorang Timbalan Perdana Menteri, tapi lebih jauh daripada itu, seorang sahabat yang setia, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

246. Termustahak juga segala wala' dan sokongan tidak berbelah bahagi yang diberikan kepada saya oleh Anggota-anggota Jemaah Menteri, Pimpinan-pimpinan Parti Komponen dalam menakhoda bahtera Malaysia ini.

247. Lalunya, bersumpah dan berjanjilah bahawa, walaupun terpenggal putus tangan dari badan, sekalipun lumpuh kaki tidak bermaya, amanah dan harapan rakyat yang kita genggam jangan sekali-kali terlepas dan tergadai kepada pihak lawan.

248. Ayuhlah, kita wajib tetap menggigit amanah yang diberikan itu, dengan taring-taring dan geraham-geraham masing-masing, sampai ketitisan darah yang terakhir, membawa Barisan Nasional, menuju kemenangan besar dalam Pilihanraya Umum ke-14 nanti. InsyAllah.

249. KepadaMu ya Allah, kami berdoa dan berserah. Selamat dan afiatkan tubuh Malaysia, zahir dan batin.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

	LANGKAH CUKAI	MUKA SURAT
LAMPIRAN 1	: Penurunan Kadar Cukai Pendapatan Individu	73
LAMPIRAN 2	: Pengecualian Cukai Ke Atas Pendapatan Sewa Daripada Rumah Kediaman Yang Diterima Oleh Individu Pemastautin Rakyat Malaysia	75
LAMPIRAN 3	: Lanjutan Tempoh Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Pemastautin Ke Atas Simpanan Bersih Skim Simpanan Pendidikan Nasional	76
LAMPIRAN 4	: Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Geran Bagi <i>Green Sustainable and Responsible Investments</i> Sukuk (Sukuk Hijau SRI)	77
LAMPIRAN 5	: Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Pendapatan Fi Pengurusan Bagi Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab [<i>Sustainable and Responsible Investments (SRI)</i>]	78
LAMPIRAN 6	: Elaun Modal Ke Atas Peralatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dan Perisian Komputer	79
LAMPIRAN 7	: Lanjutan Tempoh Pengecualian Duti Setem Bagi Pemulihan Projek Rumah Terbengkalai	80
LAMPIRAN 8	: Pengecualian Duti Setem Bagi Transaksi Jual Beli Dana Dagangan Bursa [<i>Exchange Traded Fund (ETF)</i>] Dan Waran Berstruktur [<i>Structured Warrants (SW)</i>]	82

LANGKAH CUKAI	MUKA SURAT
LAMPIRAN 9 : Penyertaan Malaysia Di Dalam Inisiatif Percukaian <i>Organisation for Economic Cooperation and Development</i> (OECD)	83
LAMPIRAN 10 : Menyeragamkan Layanan GST Ke Atas Bahan Bacaan	85
LAMPIRAN 11 : Layanan GST Ke Atas Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Bangunan Kediaman Berstrata	86
LAMPIRAN 12 : Kajian Semula Layanan GST Bagi Pihak Berkuasa Tempatan	87
LAMPIRAN 13 : Pelepasan GST Ke Atas Perkhidmatan Pembinaan Bangunan Sekolah Dan Rumah Ibadat	88
LAMPIRAN 14 : Pelepasan GST Ke Atas Pengimportan <i>Big Ticket Items</i>	90
LAMPIRAN 15 : Pelepasan Dari Membayar GST Ke Atas Pengimportan Barang Di Bawah <i>Lease Agreements</i> Dari Kawasan Ditetapkan	91
LAMPIRAN 16 : Pelepasan GST Ke Atas Perkhidmatan Pengendalian Yang Dibekalkan Kepada Operator Kapal Persiaran	92
LAMPIRAN 17 : Penggabungan Tribunal Rayuan Kastam Dan Tribunal Rayuan Cukai Barang Dan Perkhidmatan	93
LAMPIRAN 18 : Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Automasi	94
LAMPIRAN 19 : Galakan Cukai Bagi Transformasi Kepada Industri 4.0	95

LANGKAH CUKAI	MUKA SURAT
LAMPIRAN 20 : Lanjutan Galakan Cukai Bagi Hab Prinsipal	96
LAMPIRAN 21 : Peluasan Skop Galakan Cukai Bagi Menggaji Orang Kurang Upaya (OKU)	97
LAMPIRAN 22 : Lanjutan Tempoh Untuk Memohon Galakan Cukai Bagi Hotel Baharu 4 Dan 5 Bintang	98
LAMPIRAN 23 : Lanjutan Tempoh Galakan Cukai Bagi Syarikat Pengendali Pelancongan	99
LAMPIRAN 24 : Lanjutan Tempoh Galakan Cukai Bagi Pelancongan Kesihatan	100
LAMPIRAN 25 : Peluasan Skop Galakan Potongan Cukai Dua Kali Ke Atas Perbelanjaan Mendapatkan Sijil Perakuan Bagi Sistem Kualiti Dan Standard	102
LAMPIRAN 26 : Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Eksport Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta	103
LAMPIRAN 27 : Kajian Semula Galakan Cukai Modal Teroka	104
LAMPIRAN 28 : Lanjutan Tempoh Galakan Cukai Bagi Pelabur Budiman (Pelabur Mangkin)	106
LAMPIRAN 29 : Galakan Cukai Kepada Wanita Yang Kembali Bekerja Selepas Berhenti Bekerja Secara Sementara (<i>Career Break</i>)	108
LAMPIRAN 30 : Pelaksanaan <i>Earning Stripping Rules</i> Bagi Menggantikan <i>Thin Capitalisation Rules</i>	109

PENURUNAN KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

Kedudukan Semasa

Struktur cukai pendapatan bagi individu pemastautin adalah mengguna pakai kadar cukai progresif antara 0% hingga 28% ke atas pendapatan bercukai. Individu bukan pemastautin pula dikenakan cukai pada kadar rata 28%.

Cadangan

Sebagai langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna golongan individu berpendapatan sederhana dan bagi menangani kenaikan kos sara hidup, adalah dicadangkan supaya kadar cukai bagi individu pemastautin dikurangkan sebanyak 2 mata peratusan bagi 3 banjaran pendapatan bercukai seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Semasa (%)	Kadar Cukai Dicapangkan (%)
0 - 5,000	0	0
5,001 - 20,000	1	1
20,001 - 35,000	5	3
35,001 - 50,000	10	8
50,001 - 70,000	16	14
70,001 - 100,000	21	21
100,001 - 250,000	24	24
250,001 - 400,000	24.5	24.5
400,001 - 600,000	25	25
600,001 - 1,000,000	26	26
1,000,001 dan ke atas	28	28

Penjimatan cukai pendapatan bagi setiap individu kesan daripada penurunan kadar cukai adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Semasa (%)	Cukai Kena Dibayar (RM)	Kadar Cukai Dicadangkan (%)	Cukai Kena Dibayar (RM)	Penjimatan Cukai (RM)	Penjimatan Cukai (%)
0 - 5,000	0	0	0	0	-	-
5,001 - 20,000	1	*0	1	*0	-	-
20,001 - 35,000	5	*500	3	*200	300	60
35,001 - 50,000	10	2,400	8	1,800	600	25
50,001 - 70,000	16	5,600	14	4,600	1,000	17.86
70,001 - 100,000	21	11,900	21	10,900	1,000	8.40
100,001 - 250,000	24	47,900	24	46,900	1,000	2.09
250,001 - 400,000	24.5	84,650	24.5	83,650	1,000	1.18
400,001 - 600,000	25	134,650	25	133,650	1,000	0.74
600,001 - 1,000,000	26	238,650	26	237,650	1,000	0.42
1,000,001 dan ke atas	28		28			

*Selepas rebat RM400 bagi pendapatan bercukai sehingga RM35,000

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2018.

**PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN SEWA
DARIPADA RUMAH KEDIAMAN YANG DITERIMA OLEH
INDIVIDU PEMASTAUTIN RAKYAT MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Pendapatan sewa rumah kediaman yang diterima oleh individu pemastautin adalah dikenakan cukai pendapatan di bawah Seksyen 4(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 pada kadar progresif antara 0% hingga 28%.

Cadangan

Bagi menggalakkan individu pemastautin rakyat Malaysia menyewakan rumah kediaman dengan kadar sewa yang berpatutan, adalah dicadangkan supaya pengecualian cukai 50% diberi ke atas pendapatan sewa rumah kediaman yang diterima oleh individu pemastautin rakyat Malaysia tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. pendapatan sewa yang diterima tidak melebihi RM2,000 sebulan bagi setiap rumah kediaman;
- ii. rumah kediaman tersebut hendaklah disewakan di bawah satu perjanjian penyewaan yang sah antara pemilik rumah dan penyewa; dan
- iii. pengecualian cukai ini diberi bagi tempoh maksimum 3 tahun taksiran berturut-turut.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

**LANJUTAN TEMPOH PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN
INDIVIDU PEMASTAUTIN KE ATAS SIMPANAN BERSIH SKIM
SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu pemastautin sehingga RM6,000 ke atas simpanan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) layak dituntut setiap tahun oleh pembayar cukai mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2017.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan simpanan bagi tujuan pembiayaan pendidikan tertuari untuk anak, adalah dicadangkan supaya pelepasan cukai pendapatan individu pemastautin sehingga RM6,000 ke atas simpanan bersih dalam SSPN dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

**PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS GERAN BAGI
GREEN SUSTAINABLE AND RESPONSIBLE INVESTMENTS SUKUK
(SUKUK HIJAU SRI)**

Kedudukan Semasa

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia melalui suatu dana statutori iaitu *Capital Market Development Fund* (CMDF) akan menyediakan geran sukuk Hijau SRI berjumlah sehingga RM6 juta. Geran ini bertujuan untuk membiayai perbelanjaan *external review* yang ditanggung oleh penerbit sukuk Hijau SRI terhadap sehingga amaun maksimum RM300,000. Setiap penerbit sukuk Hijau SRI perlu memohon kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi mendapatkan geran ini. Geran ini tertakluk kepada cukai pendapatan kerana ia bukan dana yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Cadangan

Bagi menggalakkan penerbitan sukuk Hijau SRI di Malaysia, adalah dicadangkan pengecualian cukai pendapatan diberi kepada setiap penerima geran sukuk Hijau SRI bagi tujuan membiayai perbelanjaan *external review* selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

**PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PENDAPATAN
FI PENGURUSAN BAGI DANA PELABURAN MAMPAN DAN
BERTANGGUNGJAWAB
[SUSTAINABLE AND RESPONSIBLE INVESTMENTS (SRI)]**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan dana patuh Syariah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia diberi pengecualian cukai pendapatan seperti berikut:

- i. pendapatan statutori daripada perniagaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing di Malaysia;
- ii. pendapatan statutori daripada perniagaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan di Malaysia; dan
- iii. pendapatan statutori daripada perniagaan perkhidmatan pengurusan dana kepada amanah perniagaan atau amanah pelaburan harta tanah di Malaysia.

Galakan cukai ini diberi bagi mempromosi aktiviti pengurusan dana Islam tempatan dan asing. Pengecualian cukai pendapatan ini berkuat kuasa hingga tahun taksiran 2020.

Cadangan

Bagi terus mempromosikan aktiviti pengurusan dana di peringkat antarabangsa, adalah dicadangkan pengurus dana yang menguruskan dana SRI yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan fi pengurusan bagi mengurus dana SRI konvensional dan patuh Syariah.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

ELAUN MODAL KE ATAS PERALATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) DAN PERISIAN KOMPUTER

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan bagi pembelian peralatan ICT serta pakej perisian komputer adalah layak diberi layanan tuntutan Elaun Modal Dipercepatkan hingga tahun taksiran 2016.

Perbelanjaan fi perunding, bayaran pemerolehan lesen dan bayaran sampingan bagi pembangunan perisian komputer secara khusus (*customised*) tidak diberi layanan tuntutan elaun modal atau potongan cukai bagi maksud cukai pendapatan.

Cadangan

Bagi membantu syarikat untuk kekal berdaya saing dalam era digital serta mengunapakai teknologi terkini, adalah dicadangkan syarikat dibenarkan menuntut elaun modal ke atas perbelanjaan yang layak seperti berikut:

Cadangan	Perbelanjaan Yang Layak	Kadar Elaun Modal
1	Perbelanjaan bagi pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer.	Elaun Permulaan: 20% Elaun Tahunan: 20%
2	Pembangunan perisian komputer secara khusus (<i>customised</i>) seperti fi perundingan, bayaran pemerolehan lesen dan bayaran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer.	

Tarikh Kuat Kuasa

Cadangan 1 : Mulai tahun taksiran 2017.

Cadangan 2 : Mulai tahun taksiran 2018.

**LANJUTAN TEMPOH PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI
PEMULIHAN
PROJEK RUMAH TERBENGKALAI**

Kedudukan Semasa

Dalam menyokong usaha memulihkan projek perumahan terbengkalai, pengecualian duti setem diberikan ke atas surat cara berikut:

i. Kontraktor Penyelamat:

- a. perjanjian pinjaman bagi tujuan pembiayaan pemulihan projek perumahan terbengkalai; dan
- b. surat cara pindah milik bagi tujuan pindah milik tanah atau projek perumahan terbengkalai.

Pengecualian ini diberikan ke atas surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2017.

ii. Pembeli Asal Rumah Terbengkalai:

- a. perjanjian pinjaman bagi tujuan pembiayaan tambahan; dan
- b. surat cara pindah milik rumah.

Pengecualian ini diberikan ke atas surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2017.

Projek perumahan terbengkalai yang layak hendaklah disahkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Cadangan

Bagi terus membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pembeli asal rumah dan menggalakkan penglibatan kontraktor penyelamat untuk memulihkan projek

perumahan terbengkalai, adalah dicadangkan supaya pengecualian duti setem dilanjutkan bagi tempoh 3 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik yang disempurnakan mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020 bagi projek perumahan terbengkalai yang disahkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI TRANSAKSI JUAL BELI
DANA DAGANGAN BURSA [EXCHANGE TRADED FUND (ETF)]
DAN WARAN BERSTRUKTUR [STRUCTURED WARRANTS (SW)]**

Kedudukan Semasa

Duti setem dikenakan ke atas nota kontrak pada kadar RM1.00 bagi setiap RM1,000 dan sebahagian daripadanya ke atas jual beli saham syarikat tersenarai di Bursa Malaysia terhad sehingga RM200 bagi setiap nota kontrak. Penetapan had RM200 ini diperkenalkan pada tahun 1999 bagi memastikan pasaran modal di Malaysia kekal berdaya saing.

ETF telah diperkenalkan sejak tahun 2005. Ianya merupakan skim amanah saham terbuka yang disenaraikan dan didagangkan dalam bursa saham. ETF bersandarkan kepada satu indeks yang menawarkan kepelbagaian portfolio pelaburan bagi mengurangkan risiko pelabur. Pada masa ini, terdapat 8 ETF yang disenaraikan di bursa saham.

SW ialah instrumen sekuriti yang disenaraikan di bursa saham dan dikeluarkan oleh broker atau institusi kewangan yang layak. Ia memberikan hak kepada pelabur untuk membeli dan menjual *underlying instrument* pada masa hadapan pada suatu harga yang ditetapkan. SW boleh dikeluarkan ke atas *underlying asset* seperti saham, ETF atau indeks. SW mula disenaraikan di bursa saham pada tahun 2002.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pembangunan pasaran modal dan menjadikan pasaran modal Malaysia lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa, adalah dicadangkan pengecualian duti setem diberikan ke atas nota kontrak bagi transaksi jual beli ETF dan SW yang dilakukan oleh pelabur.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi transaksi jual beli ETF dan SW yang dibuat mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

**PENYERTAAN MALAYSIA DI DALAM INISIATIF PERCUKAIAN
ORGANISATION FOR ECONOMIC COOPERATION
AND DEVELOPMENT (OECD)**

Kedudukan Semasa

Malaysia telah memberikan komitmen untuk mematuhi piawaian antarabangsa mengenai pertukaran maklumat bagi maksud percukaian untuk memastikan sistem percukaian negara adalah berdaya saing serta mengekalkan hak negara untuk mencukai. Antara inisiatif yang telah diambil oleh Malaysia termasuklah:

- i. penglibatan dalam inisiatif OECD:
 - a. Ahli Bersekutu Base Erosion and Profit Shifting (BEPS) di bawah *Inclusive Framework* bagi melaksanakan Pelan Tindakan BEPS;
 - b. Ahli kepada *Forum on Harmful Tax Practices (FHTP)*;
 - c. Ahli kepada *Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes*;
 - d. Negara ahli kepada *Convention on Mutual Administrative Assistance on Tax Matters*;
 - e. Negara ahli kepada *Multilateral Competent Authorities Agreement on Country-by-Country Reporting*;
 - f. Negara ahli kepada *Multilateral Competent Authority Agreement on Common Reporting Standards*; dan
 - g. Ahli *ad hoc* kepada *Multilateral Instrument Framework*.
- ii. pelaksanaan Pertukaran Maklumat Secara Automatik (*Automatic Exchange of Information - AEOI*) mulai September 2018; dan
- iii. menyelaraskan insentif percukaian selaras dengan kriteria FHTP. Pindaan ke atas perundangan yang berkaitan akan diwartakan sebelum 1 Januari 2019.

Malaysia telah menyertai inisiatif OECD tersebut semenjak tahun 2009 supaya memantapkan pematuhan kepada piawaian antarabangsa berhubung pertukaran maklumat percukaian untuk menyokong kemasukan pelaburan langsung asing.

Cadangan

Adalah dicadangkan komitmen Malaysia dalam memenuhi inisiatif Pelan Tindakan BEPS OECD diumumkan dalam ucapan Bajet 2018.

MENYERAGAMKAN LAYANAN GST KE ATAS BAHAN BACAAN**Kedudukan Semasa**

Semua jenis buku yang merupakan bahan bacaan dan surat khabar adalah tertakluk kepada GST pada kadar sifar di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Bekalan Berkadar Sifar) 2014. Majalah, jurnal, terbitan berkala dan komik adalah tertakluk kepada GST pada kadar standard 6%.

Cadangan

Untuk meningkatkan pematuhan GST melalui penyeragaman dan kepastian layanan kepada pengguna, adalah dicadangkan supaya layanan GST ke atas majalah, jurnal, terbitan berkala dan komik diseragamkan dengan layanan ke atas semua jenis buku yang merupakan bahan bacaan dan tertakluk kepada GST pada kadar sifar.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2018.

**LAYANAN GST KE ATAS PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA****Kedudukan Semasa**

Perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan yang dibekalkan oleh badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan kepada pemilik bagi bangunan perumahan yang dipegang di bawah hak milik strata adalah dikategorikan sebagai pembekalan yang dikecualikan GST. Layanan ini juga terpakai ke atas perolehan semula kos insurans berkelompok, cukai taksiran dan cukai tanah oleh badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan. Pembekalan perkhidmatan berkenaan oleh pihak selainnya termasuk oleh pihak pemaju perumahan adalah tertakluk kepada kadar GST 6%.

Cadangan

Bagi memastikan keseragaman layanan GST ke atas perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan termasuk pengurusan perolehan semula kos insurans berkelompok, cukai taksiran dan cukai tanah yang dibekalkan oleh badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan kepada pemilik di perumahan yang dipegang di bawah hak milik strata, adalah dicadangkan pembekalan perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan oleh pemaju perumahan juga dikategorikan sebagai pembekalan dikecualikan GST.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2018.

KAJIAN SEMULA LAYANAN GST BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Kedudukan Semasa

Seksyen 64, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 menetapkan pembekalan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak tertakluk kepada GST (pembekalan luar skop). Layanan tersebut juga terpakai kepada pembekalan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Pembekalan bercukai selainnya yang dibuat oleh PBT adalah tertakluk kepada dikenakan GST.

PBT yang membuat pembekalan bercukai perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan layak untuk menuntut kredit cukai input yang berkaitan dengan pembekalan berkenaan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan dan pembekalan bercukai yang lain.

Cadangan

Bagi menyeragamkan layanan GST di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT, adalah dicadangkan semua pembekalan yang dibuat oleh PBT ditetapkan sebagai tidak dikenakan GST (pembekalan di luar skop).

Memandangkan PBT tidak perlu lagi berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan tidak boleh menuntut kredit cukai input, pelepasan dari membayar GST diberi kepada PBT ke atas perolehan semua barang kecuali petroleum, bangunan atau tanah komersial dan pengimportan motokar.

Tarikh Kuat Kuasa

1 April 2018 atau 1 Oktober 2018 tertakluk kepada pilihan PBT berkenaan.

**PELEPASAN GST KE ATAS PERKHIDMATAN PEMBINAAN
BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH IBADAT****Kedudukan Semasa**

Sekolah Kerajaan, sekolah bantuan Kerajaan dan sekolah menengah persendirian Cina telah diberi pelepasan GST sebanyak 50% ke atas kontrak perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah termasuk dewan dan gelanggang sukan. Pelepasan GST hanya diberi ke atas projek pembinaan yang dibiayai melalui sumbangan awam dan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Pelepasan tersebut tertakluk kepada syarat kontrak pembinaan yang telah ditandatangani sebelum 1 April 2015. Tarikh tersebut telah dilanjutkan kepada 31 Mac 2017.

Tiada pelepasan GST yang diberi secara khusus ke atas perkhidmatan pembinaan rumah ibadat.

Cadangan

Bagi membantu jawatankuasa pembinaan sekolah dan rumah ibadat mengoptimumkan dana sumbangan, adalah dicadangkan pelepasan GST 100% diberikan ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah dan rumah ibadat yang dibiayai melalui sumbangan awam.

Pelepasan GST dihadkan ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah dan rumah ibadat yang masih belum diinvoiskan dan tertakluk kepada syarat berikut:

- i. kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tabung pembinaan telah diperolehi;
- ii. kelulusan pembangunan dan pembinaan dari Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia atau Majlis Agama Negeri (surau atau masjid) telah diperolehi;
- iii. pembinaan bangunan sekolah serta kemudahan termasuk dewan dan gelanggang sukan yang digunakan secara langsung bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran;

- iv. pelepasan tidak terpakai ke atas pembelian bangunan komersial; dan
- v. perjanjian perkhidmatan pembinaan yang ditandatangani pada atau selepas 1 April 2017.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan mulai 27 Oktober 2017.

PELEPASAN GST KE ATAS PENGIMPORAN BIG TICKET ITEMS**Kedudukan Semasa**

Pengimportan *big ticket items* seperti kapal terbang, kapal laut dan pelantar minyak oleh syarikat di dalam industri penerbangan, perkapalan serta minyak dan gas adalah tertakluk kepada kenaikan GST 6%.

Cadangan

Bagi meningkatkan pelaburan syarikat ke atas aset baharu dan moden serta menyokong daya saing Malaysia di dalam sektor penerbangan, perkapalan serta minyak dan gas di samping membantu aliran tunai syarikat, adalah dicadangkan syarikat yang terlibat di dalam industri tersebut diberi pelepasan dari membayar GST ke atas pengimportan *big ticket items*. Senarai *big ticket items* dan syarat-syarat kelulusan akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2018.

**PELEPASAN DARI MEMBAYAR GST KE ATAS PENGIMPORAN
BARANG DI BAWAH LEASE AGREEMENTS DARI KAWASAN
DITETAPKAN**

Kedudukan Semasa

Barang di bawah *lease agreements* yang dibekalkan oleh syarikat yang berada di Kawasan Ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman dan diimport ke Malaysia adalah tertakluk kepada kenaan GST 6%.

Cadangan

Bagi membantu aliran tunai dan memudahkan urusan pentadbiran GST berhubung dengan pengimportan barang dari Kawasan Ditetapkan ke Malaysia khususnya bagi syarikat yang terlibat di dalam industri minyak dan gas, adalah dicadangkan supaya pelepasan GST diberi kepada syarikat yang terlibat di dalam industri minyak dan gas ke atas pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang di bawah *lease agreements* yang dibekalkan oleh syarikat yang berada di Kawasan Ditetapkan.

Senarai barang dan syarat-syarat kelulusan akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2018.

**PELEPASAN GST KE ATAS PERKHIDMATAN PENGENDALIAN
YANG DIBEKALKAN KEPADA OPERATOR KAPAL PERSIARAN****Kedudukan Semasa**

Perkhidmatan pengendalian yang disediakan oleh operator pelabuhan kepada kapal laut seperti pemunggaran kargo, memuat semula, memunggah muatan, dan pemeriksaan kargo dikategorikan sebagai pembekalan berkadar sifar. Kapal laut yang layak mendapat layanan ini mesti memenuhi definisi “kapal” yang ditetapkan di bawah Item 2, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 iaitu kapal mestilah digunakan dalam navigasi laut yang tidak digerakkan oleh dayung sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Ini termasuklah apa-apa vesel yang dimiliki atau dikendalikan oleh Kerajaan suatu negara asing tetapi tidak termasuk apa-apa vesel yang direka bentuk atau disesuaikan bagi tujuan rekreasi, keseronokan atau selain pengangkutan tambang muatan atau pengangkutan penumpang.

Kapal persiaran tergolong di dalam kategori “kapal” yang digunakan bagi tujuan rekreasi dan keseronokan dan dengan itu tidak mendapat layanan berkadar sifar yang ditetapkan ke atas perkhidmatan pengendalian yang dibekalkan oleh operator pelabuhan laut.

Cadangan

Bagi menarik lebih banyak kapal persiaran menjadikan Malaysia sebagai *port of call* atau *home port* dan seterusnya menyumbang kepada kemasukan pelancong terutamanya pelancong asing, adalah dicadangkan supaya pengendali kapal persiaran diberi pelepasan dari membayar GST ke atas perolehan perkhidmatan pengendalian yang dibekalkan oleh operator pelabuhan laut di Malaysia.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

PENGGABUNGAN TRIBUNAL RAYUAN KASTAM DAN TRIBUNAL RAYUAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**Kedudukan Semasa**

Mana-mana pembayar cukai atau syarikat yang tidak bersetuju dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam berhubung perkara berkaitan perkastaman dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Kastam (TRK) dan Tribunal Rayuan GST (TRGST) secara berasingan.

Kedua-dua tribunal adalah badan kehakiman bebas yang mendengar dan membuat keputusan ke atas rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam. TRK telah mula beroperasi pada 1 Jun 2007 dan bidang kuasanya meliputi rayuan berhubung semua keputusan Ketua Pengarah Kastam berkaitan Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 kecuali ke atas perkara berkaitan kompaun dan rampasan barang.

TRGST telah mula beroperasi pada 1 April 2015 dan bidang kuasanya meliputi rayuan berhubung semua keputusan Ketua Pengarah Kastam berkaitan GST kecuali perkara-perkara yang ditetapkan di bawah Jadual Keempat, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Cadangan

Bagi memastikan pengurusan rayuan dan pengoperasian Tribunal yang lebih lancar dan efisien serta penggunaan sumber secara optimum, adalah dicadang kedua-dua Tribunal tersebut digabungkan dan semua rayuan berhubung keputusan Ketua Pengarah Kastam didengar oleh satu Tribunal sahaja iaitu TRK. Melalui penggabungan ini, pembayar cukai atau syarikat yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam berhubung perkara berkaitan perkastaman dan GST boleh mengemukakan rayuan kepada TRK.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2019.

KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI AUTOMASI

Kedudukan Semasa

Syarikat pengilang layak menuntut Elaun Modal Dipercepatkan (*Accelerated Capital Allowance* - ACA) dan Elaun Kelengkapan Automasi (*Automation Equipment* - AE) ke atas perbelanjaan pembelian kelengkapan automasi seperti berikut:

i. **Kategori 1 : Industri Berintensifkan Buruh (produk getah, plastik, kayu dan tekstil)**

ACA sebanyak 100% dan AE sebanyak 100% ke atas RM4 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh asas tahun taksiran 2015 hingga 2017.

ii. **Kategori 2 : Industri Selain Dari Kategori 1**

ACA sebanyak 100% dan AE sebanyak 100% ke atas RM2 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh asas tahun taksiran 2015 hingga 2020.

Permohonan galakan yang layak hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam tempoh berikut:

- i. Kategori 1:
1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2017
- ii. Kategori 2:
1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2020

Cadangan

Bagi terus menggalakkan automasi dalam sektor pengilangan, terutamanya bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor yang berintensifkan buruh, adalah dicadangkan tempoh galakan bagi Kategori 1 diselaraskan dengan Kategori 2. Dengan ini tempoh galakan cukai dilanjutkan selama 3 tahun lagi. Elaun ini boleh dituntut sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

GALAKAN CUKAI BAGI TRANSFORMASI KEPADA INDUSTRI 4.0

Kedudukan Semasa

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif cukai untuk sektor pengilangan dan perkhidmatan berkaitan pengilangan. Bagi meningkatkan nilai rantai dan meningkatkan produktiviti, syarikat digalakkan untuk menggunakan teknologi terkini yang dikenali sebagai Industri 4.0 yang merangkumi pemacu teknologi seperti berikut:

- i. *big data analytics*;
- ii. *autonomous robots*;
- iii. *simulation*;
- iv. *industrial internet of things*;
- v. *cyber security*;
- vi. *horizontal and vertical system integration*;
- vii. *cloud computing*;
- viii. *additive manufacturing*;
- ix. *augmented reality*; dan
- x. *artificial intelligence*.

Tiada galakan cukai khusus yang diberi kepada syarikat pengilang yang beralih kepada Industri 4.0.

Cadangan

Bagi menggalakkan transformasi industri pengilangan dan perkhidmatan berkaitan pengilangan kepada Industri 4.0, adalah dicadangkan galakan Elaun Modal Dipercepatkan (*Accelerated Capital Allowance*) dan Elaun Modal Kelengkapan Automasi (*Automation Equipment*) ke atas RM10 juta pertama perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020 dan dituntut sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI HAB PRINSIPAL**Kedudukan Semasa**

Bagi meningkatkan bilangan pusat operasi global syarikat multinasional di Malaysia, galakan cukai bagi Hab Prinsipal telah diperkenalkan pada tahun 2015 iaitu pengecualian cukai pendapatan mengikut 3-tier *preferential tax rates* iaitu 0%, 5% atau 10% yang tertakluk kepada kriteria antaranya;

- i. modal berbayar minimum RM2.5 juta;
- ii. jumlah minimum jualan tahunan RM300 juta;
- iii. memantau dan menyediakan perkhidmatan kepada sekurang-kurangnya 3 syarikat berkaitan yang berada dan beroperasi di luar Malaysia;
- iv. menjalankan aktiviti perkhidmatan yang layak termasuk perkhidmatan strategik seperti perkhidmatan kewangan dan *talent management*; dan
- v. menggunakan perkhidmatan profesional tempatan dan kewangan tempatan.

Galakan di atas berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) daripada 1 Mei 2015 hingga 30 April 2018.

Cadangan

Bagi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat operasi global syarikat multinasional yang berdaya saing khususnya dalam aktiviti perkhidmatan strategik, adalah dicadangkan galakan cukai Hab Prinsipal dilanjutkan selama 3 tahun lagi serta mematuhi kriteria *Forum on Harmful Tax Practices*.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA hingga 31 Disember 2020.

**PELUASAN SKOP GALAKAN CUKAI BAGI MENGGAJI
ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

Kedudukan Semasa

Majikan yang menggaji OKU yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberi potongan tambahan ke atas kos penggajian OKU tersebut. Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 1982. Walau bagaimanapun, majikan yang menggaji pekerja yang mengalami kemalangan/penyakit kritikal tetapi tidak mendapat pengesahan OKU daripada JKJ, tidak layak untuk menikmati potongan tambahan ke atas gaji yang dibayar kepada individu tersebut.

Cadangan

Bagi membantu golongan yang telah mengalami kemalangan/penyakit kritikal dan masih berkeupayaan untuk mendapat peluang pekerjaan yang sesuai, adalah dicadangkan potongan tambahan diperluaskan kepada majikan yang menggaji pekerja tersebut. Lembaga Perubatan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) perlu mengesahkan pekerja tersebut mampu menjalankan pekerjaan yang sesuai dengan keupayaannya.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2018.

LANJUTAN TEMPOH UNTUK MEMOHON GALAKAN CUKAI BAGI HOTEL BAHARU 4 DAN 5 BINTANG

Kedudukan Semasa

Tempoh permohonan galakan cukai bagi hotel baharu 4 dan 5 bintang ditetapkan hingga 31 Disember 2018. Permohonan perlu dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) oleh pengusaha hotel yang membuat pelaburan baharu. Galakan cukai yang disediakan adalah seperti berikut:

Lokasi	Taraf Perintis	Elaun Cukai Pelaburan
Semenanjung Malaysia	Pengecualian cukai 70% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun	Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori.
Sabah & Sarawak	Pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun	Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Cadangan

Bagi meningkatkan lagi promosi sektor pelancongan dan selaras dengan penganjuran kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, adalah dicadangkan tempoh permohonan galakan cukai sedia ada bagi pelaburan hotel baharu bertaraf 4 dan 5 bintang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dilanjutkan selama 2 tahun lagi sehingga tahun 2020.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang dikemukakan kepada MIDA hingga 31 Disember 2020.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT
PENGENDALI PELANCONGAN**

Kedudukan Semasa

Syarikat pengendali pelancongan diberi pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan statutori yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan seperti berikut:

- i. pakej pelancongan dalam Malaysia yang disertai oleh tidak kurang daripada 1,500 pelancong tempatan setiap tahun; dan
- ii. pakej pelancongan ke Malaysia yang disertai oleh tidak kurang 750 pelancong asing setiap tahun.

Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2018.

Cadangan

Bagi terus memberi galakan kepada syarikat pengendali pelancongan untuk merencanakan aktiviti pelancongan bersempena kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, adalah dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan selama 2 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2020.

LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PELANCONGAN KESIHATAN

Kedudukan Semasa

Tempoh permohonan galakan cukai bagi aktiviti pelancongan kesihatan ditetapkan dari 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2017. Permohonan perlu dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) oleh syarikat kemudahan jagaan kesihatan swasta yang membuat pelaburan baharu atau menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan atau pembaharuan.

Galakan cukai yang disediakan adalah pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak bagi tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Syarikat yang layak hendaklah:

- i. diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia;
- ii. dilesenkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- iii. didaftarkan dengan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia.

Pelancong kesihatan yang layak adalah seperti berikut:

- i. bukan warganegara Malaysia yang menyertai program *Malaysia My Second Home* dan tanggungannya;
- ii. pegawai dagang bukan warganegara Malaysia yang memegang permit kerja Malaysia dan tanggungannya; atau
- iii. bukan warganegara Malaysia yang melawat Malaysia dan menerima kemudahan jagaan kesihatan swasta di Malaysia.

Galakan cukai adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah terdiri daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. sekurang-kurangnya 5% daripada pendapatan kasar syarikat dijana daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan

Adalah dicadangkan tempoh permohonan galakan cukai bagi syarikat baharu dan syarikat sedia ada yang membuat pembesaran, pemodenan atau pembaharuan dalam menyediakan perkhidmatan kemudahan jagaan kesihatan swasta dilanjutkan selama 3 tahun lagi.

Galakan cukai adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah terdiri daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan kasar syarikat dijana daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Tempoh bagi permohonan yang dikemukakan ke MIDA hingga 31 Disember 2020.

**PELUASAN SKOP GALAKAN POTONGAN CUKAI DUA KALI KE
ATAS PERBELANJAAN MENDAPATKAN SIJIL PERAKUAN BAGI
SISTEM KUALITI DAN STANDARD**

Kedudukan Semasa

Pada tahun 2016, Menteri Kewangan di bawah subseksyen 34(6)(ma) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah meluluskan 5 buah badan pensijilan bagi mengiktiraf syarikat yang menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta. Mana-mana syarikat yang menjalankan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar dengan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (*Malaysia Healthcare Travel Council - MHTC*) layak menuntut galakan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan memperoleh sijil perakuan bagi sistem kualiti dan standard. Badan pensijilan yang diluluskan adalah seperti berikut:

- i. Malaysian Society for Quality in Health – Malaysia;
- ii. Joint Commission International – Amerika Syarikat;
- iii. CHKS Accreditation Unit – United Kingdom;
- iv. The Australian Council on Healthcare Standard – Australia; dan
- v. Accreditation Canada – Kanada.

Cadangan

Bagi meningkatkan keyakinan pelancong kesihatan terhadap tahap keselamatan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan, adalah dicadangkan syarikat yang menyediakan kemudahan perkhidmatan pergigian dan ambulatori yang berdaftar dengan MHTC diberi galakan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan memperoleh sijil perakuan bagi sistem kualiti dan standard daripada 5 buah badan pensijilan akreditasi tersebut.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2018.

**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI EKSPORT
PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA****Kedudukan Semasa**

Mulai tahun taksiran 2002, syarikat yang menjalankan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta layak menuntut pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperoleh daripada eksport perkhidmatan jagaan kesihatan kepada pesakit asing sama ada di Malaysia atau dari Malaysia. Pengecualian cukai pendapatan adalah bersamaan dengan 50% daripada nilai peningkatan eksport perkhidmatan dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori.

Cadangan

Bagi menggalakkan pertumbuhan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menjadikan Malaysia sebagai hab penjagaan kesihatan kepada pesakit asing, adalah dicadangkan tahap pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperoleh daripada eksport perkhidmatan jagaan kesihatan swasta kepada pesakit asing sama ada di dalam Malaysia atau dari Malaysia dinaikkan daripada 50% kepada 100% daripada nilai peningkatan eksport perkhidmatan dan ditolak sehingga 70% ke atas pendapatan statutori.

Galakan cukai adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah terdiri daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan kasar syarikat dijana daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI MODAL TEROKA

Kedudukan Semasa

Galakan cukai modal teroka adalah seperti berikut :

i. Perbadanan Pengurusan Modal Teroka (VCMC)

Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan statutori daripada bahagian keuntungan (perkongsian keuntungan) yang diterima atas pelaburan yang dibuat oleh VCC.

ii. Syarikat Modal Teroka (VCC)

- a. pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan statutori daripada semua punca pendapatan kecuali pendapatan faedah daripada simpanan atau simpanan tetap dan keuntungan daripada deposit patuh Syariah; dan
- b. pengecualian diberi untuk tempoh 10 tahun atau mengikut jangka hayat dana yang ditubuh bagi pelaburan dalam Syarikat Teroka (VC) yang mana lebih pendek. VCC perlu berdaftar dengan SC, VCC melabur sekurang-kurangnya 70% dana di peringkat *early stage*, *seed* dan *start up* dalam VC ATAU sekurang-kurangnya 50% dalam bentuk modal benih. VCC dan VC adalah bukan syarikat berkaitan.

iii. Pelaburan Dalam VC

Syarikat atau individu dengan pendapatan perniagaan yang membuat pelaburan dalam VC diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan dalam VC di peringkat pendapatan larasan.

Cadangan

Layanan cukai dicadangkan seperti berikut:

i. Perbadanan Pengurusan Modal Teroka (VCMC)

Pendapatan yang dikecualikan cukai diperluaskan untuk meliputi fi pengurusan dan fi prestasi dalam menguruskan dana VCC.

ii. Syarikat Modal Teroka (VCC)

- a. had pelaburan sekurang-kurangnya 70% dalam VC di peringkat *early stage*, *seed* dan *start up* dikurangkan kepada 50% dan baki 50% dibenarkan untuk lain-lain pelaburan; dan
- b. syarikat atau individu dengan pendapatan perniagaan yang melabur ke dalam dana VCC yang diwujudkan oleh VCMC diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan yang dibuat dalam VCC terhad kepada maksimum RM20 juta setahun bagi setiap syarikat atau individu.

Pengecualian cukai diberi untuk tempoh selama 5 tahun mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2022.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.

LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PELABUR BUDIMAN (PELABUR MANGKIN)

Kedudukan Semasa

Tempoh permohonan galakan cukai bagi pelabur budiman ditetapkan dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2017. Permohonan perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Pelabur budiman yang melabur dalam syarikat penerima pelaburan dalam bentuk syer biasa layak mendapat pengecualian cukai yang bersamaan dengan amaun pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan (*investee company*).

Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

i. Pelabur Budiman:

- a. individu yang bermastautin di Malaysia dan punca pendapatannya tidak diperoleh daripada pendapatan perniagaan sahaja;
- b. pelabur yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan syarikat penerima pelaburan;
- c. pelabur yang melabur semata-mata dengan tujuan untuk membiayai aktiviti syarikat penerima pelaburan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan; dan
- d. memegang tidak melebihi 30% jumlah modal saham berbayar syarikat penerima pelaburan.

ii. Syarikat Penerima Pelaburan:

- a. syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia;
- b. sekurang-kurangnya 51% daripada modal saham biasa syarikat dimiliki oleh warganegara Malaysia; dan
- c. menjalankan aktiviti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Cadangan

Bagi menarik lebih ramai pelabur budiman untuk menyumbang kepada aktiviti ekonomi melalui pembiayaan modal dalam syarikat penerima pelaburan, adalah dicadangkan tempoh permohonan galakan cukai bagi pelabur budiman dilanjutkan selama 3 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Tempoh permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

**GALAKAN CUKAI KEPADA WANITA YANG KEMBALI BEKERJA
SELEPAS BERHENTI BEKERJA SECARA SEMENTARA
(CAREER BREAK)**

Kedudukan Semasa

Pendapatan bercukai individu pemastautin adalah tertakluk kepada kadar cukai individu progresif antara 0% hingga 28%.

Cadangan

Bagi menggalakkan wanita yang berada dalam *career break* supaya kembali bekerja semula, adalah dicadangkan pendapatan penggajian yang diterima bagi tempoh maksimum 12 bulan berturut-turut diberi pengecualian cukai. Galakan cukai ini disediakan bagi wanita yang kembali bekerja selepas *career break* untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun pada 27 Oktober 2017. Layanan pengecualian cukai pendapatan ini layak dituntut dalam tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan kepada Talent Corporation Malaysia Berhad bermula pada 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2019.

**PELAKSAANAAN EARNING STRIPPING RULES
BAGI MENGGANTIKAN THIN CAPITALISATION RULES**

Kedudukan Semasa

Malaysia menyertai pelbagai inisiatif *Organisation for Economic Cooperation And Development* (OECD) bagi membendung perancangan cukai yang agresif di kalangan syarikat berkaitan, termasuk pelaksanaan *Thin Capitalisation Rules* (TCR). TCR telah diperkenalkan semasa Bajet 2009 bagi memastikan potongan faedah pinjaman antara syarikat berkaitan tidak melebihi had yang dibenarkan di bawah TCR. Pelaksanaan TCR telah ditangguhkan sehingga 31 Disember 2017 bagi membolehkan pembayar cukai mempunyai masa yang mencukupi untuk menguatkuasakan pelaksanaan TCR.

Selaras dengan penambahbaikan berterusan yang sedang dilaksanakan di peringkat antarabangsa bagi membendung pengelakan dan pelarian cukai serta pemindahan keuntungan di peringkat antarabangsa, OECD telah memperkenalkan kaedah baru yang dikenali sebagai *Earning Stripping Rules* (ESR) untuk mengawal potongan perbelanjaan faedah yang berlebihan ke atas pinjaman antara syarikat berkaitan. Di bawah ESR, potongan perbelanjaan faedah ke atas pinjaman antara syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama akan dihadkan kepada nisbah yang dikenalpasti oleh pentadbiran cukai negara, antara 10% hingga 30% daripada keuntungan sebelum cukai syarikat sama ada menggunakan *Earning Before Interest and Taxes* (EBIT) atau *Earning Before Interest, Tax, Depreciation and Amortisation* (EBITDA).

Cadangan

Bagi menangani ketirisan cukai akibat tuntutan faedah yang berlebihan di kalangan syarikat berkaitan dan bagi mematuhi garis panduan pindahan harga dalam pemberian pinjaman antara syarikat berkaitan, adalah dicadangkan ESR dilaksanakan bagi menggantikan TCR.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2019.

ISBN 978-983-43512-7-4



9 789834 351274

Kementerian Kewangan Malaysia

No. 5 Persiaran Perdana Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 WP PUTRAJAYA